

**RITUAL DALAM ADAT SADANGGU BAGI  
MERAIKAN FASA PERALIHAN HIDUP ANAK  
PEREMPUAN DALAM MASYARAKAT CHITTI DI  
PERKAMPUNGAN CHITTI, MELAKA.**

**SITI HAJAR BINTI MOHD SHUKRI**

UNIVERSITI  
MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
DENGAN KEPUJIAN**

2022

ETKWW



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

ETKWW

**RITUAL DALAM ADAT SADANGGU BAGI  
MERAIKAN FASA PERALIHAN HIDUP ANAK  
PEREMPUAN DALAM MASYARAKAT CHITTI DI  
PERKAMPUNGAN CHITTI, MELAKA.**

Oleh:

**SITI HAJAR BINTI MOHD SHUKRI**

**C18A0398**

Laporan ini disediakan bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda  
Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi lain.

- AKSES TERBUKA Saya bersetuju laporan saya akan dibuat segera sedia sebagai Salinan keras atau dalam talian akses terbuka (Teks Penuh)
- SULIT Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972
- TERHAD Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat Salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan oleh:

*Siti Hajar*

.....  
Tandatangan

Nama: SITI HAJAR BINTI MOHD SHUKRI

No. Matrik: C18A0398

Tarikh: 28 FEBRUARI 2022



.....  
Tandatangan Penyelea

**DR. SURAYA BINTI SUKRI**  
Senior Lecturer  
Faculty of Creative Technology and Heritage  
University Malaysia Kelantan  
Nama: DR. SURAYA BINTI SUKRI  
Penyelea Projek Penyelidikan

Tarikh: 28 FEBRUARI 2022

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Tuhan yang telah melimpahkan rahmat dan nikmatnya yang tidak terhingga dari segi masa, nyawa, keselamatan, kefahaman dan tenaga yang telah dianugerahkan kepada saya sehingga dapat menyiapkan projek penyelidikan hasil penulisan saya sendiri. Projek penyelidikan ini dapat disiapkan dengan jayanya pada masa yang ditetapkan bagi memenuhi syarat untuk saya memperolehi segulung Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan di Universiti Malaysia Kelantan bagi sesi 2022.

Melalui kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Suraya Binti Sukri yang merupakan salah seorang individu penting dalam menjayakan penyelidikan ini dimana beliau merupakan penyelia bagi projek penyelidikan saya. Dengan bantuan beliau, saya telah diberi tunjuk ajar yang begitu baik sehingga faham dan berjaya menyiapkan hasil penulisan ini. Segala usaha beliau yang telah bersama-sama berpenat lelah membantu saya amatlah saya hargai. Hanya tuhan yang dapat membalas jasa beliau dan semoga beliau dilimpahkan rahmat serta keberkatan oleh-Nya.

Selain itu, penghargaan dan ribuan terima kasih turut saya tujukan kepada bapa saya iaitu Mohd Shukri Bin Sudin dan ahli keluarga yang telah turut sama membantu sama ada secara langsung mahupun tidak langsung bagi menyiapkan kajian ini. Segala sokongan moral, fizikal, mental dan kewangan yang telah diberikan sangat membantu dalam meneruskan kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut memberi sokongan dari segi moral dan mental dalam menjana idea-idea dan tidak berkira berkongsi informasi yang berkaitan dengan kajian ini.

Seterusnya, jutaan terima kasih juga diucapkan kepada responden yang terlibat di dalam soal selidik yang telah saya buat ke atas mereka dan informan yang terdiri daripada kalangan komuniti Chitti sendiri yang telah banyak membantu memberi maklumat berkaitan kajian ini. Semoga tuhan membalas jasa baik anda semua yang telah memberi kerjasama yang sangat baik.

Akhir kata, saya turut titipkan ucapan terima kasih kepada para pensyarah dan mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan projek penyelidikan ini. Semoga kita semua dirahmati dan sentiasa berada di bawah lindungan tuhan.

## ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>PERAKUAN TESIS</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iii-v</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>vii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>viii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>ix</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1-2
1.1 Latar Belakang Kajian	2-3
1.2 Permasalahan Kajian	3-4
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Skop Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Penutup	7
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>	
2.0 Pengenalan	8
2.1 Konsep Warisan Budaya	8-9

2.2 Kategori Warisan Budaya di Malaysi	9-10
2.3 Sadanggu Sebagai, 'Rite of Passage'	11-13
2.4 Persamaan Dalam Adat Sadanggu dan Adat Berkhatan Bagi Masyarakat Melayu	13-14
2.5 Kerangka Teori	14-16
2.6 Penutup	17
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0 Pengenalan	18
3.1 Pendekatan Kajian	18
3.2 Reka Bentuk Kajian	19
3.3 Unit Analisis	19
3.4 Kaedah Kajian	20
3.4.1 Kaedah Kualitatif	20
3.4.2 Kaedah Kuantitatif	20-21
3.5 Teknik Pengumpulan Data	21
3.5.1 Data Primer	21-23
3.5.2 Data Sekunder	24
3.6 Pensampelan	25
3.7 Instrumen Kajian	26
3.8 Analisis Data	27-28
3.9 Penutup	29

## **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.0 Pengenalan	30
4.1 Data Demografi Responden	31-34
4.2 Pengetahuan Orang Awam Sekitar Melaka Tentang Komuniti Chitti	34
4.2.1 Pengetahuan Umum	35-36
4.2.2 Adat/Budaya	36-37
4.2.3 Kesedaran Masyarakat	38-39
4.3 Proses Adat Sadanggu Dijalankan	39-41
4.3.1 Mandi Restu	41-42
4.3.2 Jamuan Kuih Tradisional	42-43
4.3.3 Upacara Sadanggu	43-46
4.4 Keunikan Adat Sadanggu	46-49

## **BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.0 Pengenalan	50-52
5.1 Cadangan	53
5.1.1 Pihak Kerajaan Negeri Melaka	53-54
5.1.2 Pihak Komuniti Chitti	54
5.2 Kesimpulan	54-55

**RUJUKAN** **56-60**

**LAMPIRAN** **61-67**

<b>NO.</b>	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>HALAMAN</b>
1.1	Peta lokasi perkampungan Chitti di Gajah Berang, Melaka	5
2.1	Proses adat Sadanggu	11
2.2	Tahap bagi teori Erik Erikson	15
2.3	Tahap-tahap perkembangan kognitif menurut Piaget	16
3.2	Proses pensempekan Berkebarangkalian	25
3.3	Proses pensempekan Bukan Berkebarangkalian	25
3.4	Proses analisis data	27
4.5	Pengetahuan umum masyarakat Melaka tentang kewujudan Komuniti Chitti di Melaka	35
4.6	Pengetahuan masyarakat Melaka tentang adat/budaya yang diamalkan oleh Komuniti Chitti	36
4.7	Pengetahuan berkaitan kesedaran masyarakat Melaka untuk warisan budaya Komuniti Chitti	38
4.8	Proses mandi restu Komuniti Chitti	42
4.9	Proses jamuan kuih tradisional Komuniti Chitti	43
4.10	Pakaian Pavadai Daavani yang dipakai semasa upacara Sadanggu	44
4.11	Dulang berisi barangan semasa upacara Sadanggu dijalankan	45
4.12	Upacara Sadanggu sedang dijalankan	45
4.13	Pakaian Komuniti Chitti	47



<b>NO.</b>	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>HALAMAN</b>
3.1	Maklumat informan	23
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina Masyarakat Melaka	31
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	32
4.3	Taburan Responden Mengikut Kaum	33
4.4	Taburan Responden Mengikut Daerah	34

**RITUAL DALAM ADAT SADANGGU BAGI MERAIKAN FASA  
PERALIHAN HIDUP ANAK PEREMPUAN DALAM  
MASYARAKAT CHITTI DI PERKAMPUNGAN CHITTI,  
MELAKA.**

**ABSTRAK**

Penyelidikan ini merupakan satu kajian berkaitan ‘Rite of Passage’ yang merupakan fasa peralihan yang membawa perubahan yang besar dalam hidup seseorang individu. Di dalam kajian ini, ‘Rite of Passage’ diamalkan oleh komuniti Chitti dalam ritual adat Sadanggu iaitu suatu adat yang meraikan fasa penting bagi anak perempuan komuniti ini. Kajian ini dijalankan kerana didapati masyarakat tidak mengetahui tentang kewujudan komuniti Chitti dan pengamalan adat ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengetahuan orang awam mengenai kewujudan masyarakat Chitti di Melaka, mengkaji bagaimana proses adat Sadanggu ini dijalankan dan menjelaskan keunikan yang terdapat dalam pengamalan adat Sadanggu oleh komuniti Chitti di Melaka. Pengkaji telah menggunakan pendekatan kajian kes iaitu fokus kepada ciri-ciri yang ingin dikaji sahaja. Justeru, kajian ini menggunakan kaedah kajian campuran iaitu kuantitatif untuk tinjauan berkaitan pengetahuan masyarakat dan kaedah kualitatif iaitu temubual. Teknik pengumpulan data pula diperolehi daripada data primer iaitu hasil temubual dan tinjauan dan data sekunder iaitu jurnal, buku, video dan sumber internet. Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa masyarakat Melaka sedar dan tahu akan kewujudan komuniti Chitti tetapi mereka tidak mengetahui tentang aspek percampuran budaya ‘Rite of Passage’ dalam ritual adat Sadanggu yang merupakan adat bagi komuniti Chitti. Selain itu, terdapat juga persamaan dalam pengamalan adat Sadanggu dengan pengamalan adat berkhatan bagi masyarakat Melayu. Hasil daripada proses asimilasi budaya Melayu dan India, maka lahirlah ritual adat Sadanggu yang dilihat mempunyai proses tertentu yang perlu diikuti. Ianya juga turut memperlihatkan beberapa nila-nilai keunikan dalam ritual adat Sadanggu yang diamalkan oleh komuniti Chitti Melaka. Beberapa cadangan turut dikemukakan bagi memastikan pelestarian warisan tidak ketara yang diamalkan oleh komuniti Chitti ini diberi perhatian oleh komuniti Chitti sendiri dan kerajaan negeri. Pelestarian ini dilihat sangat penting agar kelangsungan budaya dan adat yang diamalkan dapat diwariskan kepada generasi yang akan datang.

# **RITUAL IN THE SADANGGU CUSTOM IN A WOMEN'S RITES OF PASSAGE AMONG THE CHITTI COMMUNITY IN THE CHITTI VILLAGE OF, MALACCA**

## **ABSTRACT**

This research study is relating to the 'Rite of Passage' which is a transitional phase that brings great changes in an individual's life. In this study, 'Rite of Passage' is practiced by the Chitti community in the Sadanggu customary ritual which is a custom that celebrates an important phase for the daughters. This study was conducted because it was found that the community was unaware of the existence of the Chitti community and the practice of this custom. Therefore, this study aims to identify the public's knowledge about the existence of the Chitti community in Melaka, to understand how the Sadanggu customary process is carried out and explain the uniqueness found in the practice of Sadanggu custom by the Chitti community in Melaka. Researchers used case study approach that focuses on the uses of a mixed research method which is quantitative for a survey related to community knowledge and a qualitative method that is interviews. Data collection techniques are obtained from primary data, which is the results of interviews and surveys while the secondary data are obtained from the journals, books, videos, and internet sources. The findings of the study show that the Melaka people are aware of the existence of the Chitti community, but they do not know about the cultural mixing aspect of 'Rite of Passage' in the Sadanggu customary ritual which is customary for the Chitti community. Apart from that, there are also similarities in the practice of Sadanggu custom with the practice of circumcision custom for the Malay community. As a result of the process of assimilation of Malay and Indian culture, the Sadanggu customary ritual was born, and it seems to have a certain process that needs to be followed. It also shows some unique values in the Sadanggu customary rituals practiced by the Chitti community of Melaka. Several suggestions were also put forward to ensure that the preservation of intangible heritage practiced by the Chitti community is given attention by the Chitti community itself and the state government. This preservation is seen as very important so that the continuity of the culture and customs practiced can be passed onto future generations.

## **BAB SATU**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 PENGENALAN**

Melaka merupakan negeri yang bernilai dan kaya dengan susur galur sejarahnya samada sejarah kecemerlangannya mahupun dari sudut sejarah gelapnya. Dengan kemunculan Melaka sebagai salah satu lokasi perdagangan yang terkenal di peringkat dunia suatu masa dahulu, jadi tidak hairanlah jika negeri bandaraya bersejarah ini mempunyai keunikannya dari segi budaya dalam kalangan masyarakatnya. Penghijrahan para pedagang asing ke Tanah Melayu dengan tujuan asalnya adalah untuk berniaga atau berdagang telah berubah kepada kehidupan menetap di Tanah Melayu apabila wujud hubungan baik antara mereka dengan komuniti tempatan dan terdapat dalam kalangan mereka yang turut berkahwin dengan masyarakat di Tanah Melayu. Ini adalah akibat daripada penerimaan kemasukkan para pedagang asing semasa kemajuan perdagangan dahulu kala. Negeri Melaka telah mewujudkan kepelbagaian komuniti dalam kalangan masyarakatnya yang sekaligus telah menjadikan Melaka sangat terkenal dengan komuniti Baba Nyonya, Chitti dan Portugis yang masing-masing menjalankan kehidupan yang sangat baik di Melaka. Oleh kerana mereka hidup menetap, segala pengamalan adat resam dan budaya yang mereka praktikkan di negara asal mereka telah dibawa bersama dan telah dijadikan sebagai amalan harian mereka di tempat mereka menetap. Jelaslah, bahawa kepelbagaian komuniti yang terdapat di Melaka telah menonjolkan warisan budaya, adat resam dan amalan yang berbeza serta mempunyai ciri yang unik dalam melakukan aktiviti harian masing-masing untuk menjalankan kewajipan kepada agama yang dianuti (Rahilah Omar, 2016).

Pembawaan adat resam dan budaya oleh komuniti-komuniti ini sebagai amalan bukanlah masalah yang besar kepada masyarakat tempatan selagi ianya tidak melanggar batas-batas dan tatasusila kehidupan bermasyarakat. Semua komuniti berhak dan bebas mengamalkan kepercayaan masing-masing. Namun, sikap saling hormat-menghormati antara satu sama lain dan toleransi perlulah ada dalam diri setiap individu dalam masyarakat agar keharmonian terus terpelihara. Fokus penyelidikan ini adalah kepada adat yang dibawa oleh komuniti Chitti iaitu adat Sadanggu. Adat Sadanggu adalah satu

ritual yang dijalankan oleh masyarakat Chitti untuk meraikan peristiwa penting (rite of passage) dalam hidup anak perempuan mereka yang telah mencapai peringkat kematangan iaitu akil baligh (Nanette R.Spina, 2017). Melalui adat ini, beberapa ritual keagamaan dijalankan serta ianya mempunyai peringkat-peringkat yang perlu diikuti bagi menyempurnakannya. Pengamalan adat sebegini, sangat unik dimana ianya masih dipraktikkan sehingga kini. Jelas, walaupun dunia semakin moden dan sedang meningkat maju, namun budaya dan adat masih perlu dipelihara dan sangat utuh dalam diri masyarakat yang kuat berpegang pada kepercayaan mereka (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, n.d).

## **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Komuniti Chitti merupakan sebuah masyarakat warisan yang perlu dipelihara. Menurut Akta 179 Harta Benda Purba, 1976 warisan adalah apa-apainggalan turun-temurun yang bersifat buatan mahupun semula jadi yang boleh alih atau tidak boleh alih dan yang nampak dengan pancaindera atau tidak. Ianya membawa kepada maksud warisan itu sebagai apa-apa hasil perbuatan masyarakat terdahulu yang digunakan oleh masyarakat kini dalam menjalankan aktiviti harian adalah menjadi sebahagian daripada proses atau alat dalam meneruskan kehidupan (Yuszaidy, 2011).

Warisan mempunyai dua kategori iaitu warisan budaya ketara yang merujuk kepada objek, struktur atau sesuatu warisan yang boleh dicapai oleh pancaindera dan warisan tidak ketara merujuk kepada perkara tidak nyata yang bersifat ilmu pengetahuan dan kemahiran (Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, n.d). Dalam konteks kajian ini, fokus utama pengkaji adalah kepada ritual adat Sadunggu yang diamalkan oleh komuniti minoriti ini, yang mana ianya tergolong dalam kategori warisan budaya tidak ketara.

Definisi bagi adat pula, menurut Husin Embi et al. (2004:85) dalam penulisan bukunya berpendapat bahawa adat merujuk kepada peraturan yang diamalkan sejak dahulu kala dalam kalangan masyarakat sehingga kini, ianya dianggap sebagai peraturan yang mesti dipatuhi. Bagi istilah istiadat pula ianya ditafsirkan sebagai cara pelaksanaan sesuatu yang digelar adat dalam masyarakat. Adat dan istiadat mempunyai kaitan yang rapat dan dilihat seperti alat yang mempunyai upaya untuk mengatur sesebuah



masyarakat supaya dapat hidup dalam keadaan yang sejahtera dan rukun (Muhammad Takari, 2015).

Kewujudan masyarakat peranakan Hindu Chitti di Melaka adalah berasal daripada pedagang India Selatan yang telah berdagang ke Melaka sebelum pembukaan Kota Melaka lagi. Dipercayai komuniti ini wujud daripada pedagang Kalingga yang telah berkahwin dengan masyarakat tempatan dari keturunan Melayu, Jawa dan Batak. Akibat sosialisasi perkahwinan campur, aspek budaya Tamil telah disesuaikan dengan budaya tempatan (Giok Hun, 2015). Masyarakat Chitti tidak boleh disamakan dengan masyarakat peminjam wang (Chettiar). Hal ini kerana, komuniti Chitti ini sangat unik kerana mereka berasimilasi sepenuhnya dengan budaya Melayu melalui aspek bahasa, pemakaian, makanan dan sosial. Walaupun berasimilasi dengan budaya tempatan, namun mereka masih tetap kuat berpegang kepada agama Hindu sejak abad ke-15 (R. Raghavan, 1977). Oleh itu, lahirlah komuniti Chitti di Melaka.

Adat Sadanggu yang dibawa komuniti Chitti ini merupakan satu proses dalam peralihan fasa kehidupan (rite of passage), dimana ianya merupakan satu peristiwa penting dalam kehidupan anak perempuan dalam masyarakat Chitti. "Rite of passage" adalah ritual yang merujuk kepada perubahan seseorang individu atau kumpulan masyarakat daripada status lama kepada status yang baru. Ianya juga menandakan berlalunya satu tempoh waktu dalam kehidupan ke fasa yang lain. Menurut Durkheim, Arnold Van Gennep dalam petikan *Les Rites de tahun 1909*, beliau mengenal pasti tiga fasa peralihan iaitu fasa pemisahan, dimana ketika ini seseorang individu itu tidak mengenali identiti mereka. Kedua adalah fasa keterbatasan, dimana keadaan ini merupakan proses memasuki fasa baru yang terikat dengan sesuatu. Dan fasa ketiga iaitu penggabungan semula dimana seseorang individu itu diterima oleh masyarakat sebagai penerus kepada status baru. Hal ini kerana sebelum mereka diterima, mereka harus melalui proses tertentu seperti pengasingan, puasa dan sebagainya (R.Tzanelli, 2007).

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Malaysia terkenal sebagai salah sebuah negara Asia yang mempunyai masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan setiap kaum mempunyai amalan serta kebudayaannya yang berbeza. Unikunya Malaysia kerana, walaupun komunitinya berbilang kaum, namun dapat menjalani kehidupan dengan aman dan harmoni. Masyarakat di

Malaysia terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India dan kaum peribumi yang lain. Jika sebut mengenai negeri Melaka, memang tidak asing lagi dengan masyarakat Baba Nyonya yang sangat terkenal di sana. Selain itu, terdapat satu lagi komuniti yang wujud di Melaka yang kurang dikenali ramai iaitu masyarakat Chitti. Rata-rata sudah sedia maklum bahawa jika disebut Chitti maka akan mengangap bahawa Chitti adalah sama sahaja seperti kaum india biasa (R. Raghavan, 1977). Jelaslah bahawa komuniti Chitti di Melaka kurang dikenali masyarakat umum.

Masyarakat minoriti ini, mempunyai sedikit kelainan dengan kaum India biasa. Hal ini demikian kerana, masyarakat Chitti ini terhasil melalui perkahwinan campur antara orang India dengan orang tempatan. Disebabkan kewujudan masyarakat ini semakin mengecil akibat penghijrahan ke tempat lain sekitar Malaysia, maka hanya terdapat saki baki yang masih hidup menetap di sebuah perkampungan Chitti di Gajah Berang, Melaka. Jadi, hal ini sudah menjadi tugas yang besar kepada masyarakat ini untuk mengatur strategi yang berkesan dalam usaha memelihara dan menjaga nama komuniti Chitti agar kewujudan mereka dapat diketahui ramai dan menjadi sumber rujukan untuk generasi akan datang (K. Supramaniam Pillay, 2019). Ini juga disebabkan oleh, kurangnya usaha daripada pihak-pihak tertentu untuk memelihara masyarakat yang semakin kecil ini.

Oleh itu, melalui penyelidikan ini, fokus utama pengkaji adalah kepada adat Sadanggu yang telah sekian lama diamalkan oleh komuniti Chitti. Hal ini kerana, ianya merupakan adat yang unik dan menarik untuk dikaji. Adat ini juga memiliki persamaan dengan adat Melayu iaitu berkhatan. Kewujudan komuniti Chitti di Melaka telah melahirkan ciri keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri. Malah masyarakat Chitti turut menerima dan berasimilasi dengan baik melalui cara hidup, adat resam dan budaya orang tempatan dalam menjalani kehidupan harian mereka (Rahilah Omar, 2016).

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Kajian penyelidikan ini akan memfokuskan tentang beberapa persoalan, antaranya ialah:

1. Sejauh manakah masyarakat kini tahu mengenai kaum Chitti dan amalan Sadanggu di Melaka?
2. Bagaimana ritual adat Sadanggu ini dijalankan?
3. Apakah keunikan adat Sadanggu?

#### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam melaksanakan penyelidikan ini, beberapa objektif kajian telah dibentuk sebelum kajian dijalankan, iaitu mengenai ritual dalam adat Sadanggu bagi meraikan fasa peralihan hidup bagi anak perempuan dalam masyarakat Chitti di perkampungan Chitti, Melaka. Antara objektif yang telah dibentuk dengan teliti bagi menjawab kepada persoalan kajian adalah seperti dibawah:

1. Mengenalpasti pengetahuan orang awam mengenai kewujudan masyarakat Chitti di Melaka.
2. Mengkaji bagaimana proses adat Sadanggu dijalankan.
3. Menjelaskan keunikan adat Sadanggu yang diamalkan oleh masyarakat Chitti di Melaka.

#### 1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian yang dibuat oleh pengkaji adalah untuk memperjelaskan tentang batasan kajian yang akan dijalankan. Pemilihan tapak kajian ini adalah kerana di Melaka kerana majoriti komuniti Chitti menetap di kawasan Gajah Berang, Melaka. Oleh itu, kajian ini merangkumi masyarakat setempat di kawasan sekitar Melaka bagi mendapatkan data mengenai pengetahuan masyarakat dan khususnya di kawasan perkampungan Chitti di Gajah Berang, Melaka untuk mendalami adat Sadanggu. Kajian ini lebih berfokus kepada aspek pengetahuan orang awam tentang keberadaan masyarakat Chitti di Melaka dan keunikan amalan adat Sadanggu oleh masyarakat Chitti. Infomasi yang berkaitan adat akan dirujuk kepada komuniti Chitti sendiri bagi memastikan maklumat yang didapati adalah benar dan sahih (Berita Kampus USM, 2015).



Gambar 1.1: Peta Lokasi Perkampungan Chitti di Gajah Berang, Melaka.

Sumber: Google Maps (Maps, n.d.)



## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Dalam penghasilan sesuatu kajian ilmiah haruslah mempunyai matlamat dan kepentingannya berdasarkan objektif yang telah dibentuk. Hasil kajian yang dijalankan akan memberi manfaat kepada beberapa pihak seperti individu, masyarakat dan negara. Malah penulisan kajian ini dapat melatih dan mendidik pengkaji tentang proses pelaksanaan kajian ilmiah dengan langkah-langkah yang betul untuk dijadikan sumber rujukan kepada masyarakat.

Selain itu, kepentingan kajian bagi pihak universiti. Projek penyelidikan yang wajib dilaksanakan oleh para mahasiswa, akan memberi pendedahan dalam dunia penghasilan kajian ilmiah yang bermutu dan mungkin boleh menjadi faktor penggalak untuk melahirkan jurnalis di masa akan datang. Ianya juga dapat menambah dokumentasi bahan rujukan universiti tentang kaum-kaum minoriti yang terdapat di Malaysia.

Disamping itu, kepentingan kajian bagi pihak masyarakat pula, bertujuan menambah pengetahuan masyarakat tentang kewujudan komuniti-komuniti yang terdapat di Malaysia. Pengetahuan mengenai kepelbagaian masyarakat yang terdapat di Malaysia sangat penting bagi memastikan kewujudan setiap kaum itu tidak terpinggir dari pengetahuan generasi kini. Diharap melalui kajian ini, dapat membuka mata masyarakat kini tentang kewujudan komuniti Chitti yang hampir hilang di dalam kelompok masyarakat. Kajian ini dapat memberi pendedahan dan membolehkan masyarakat lebih cakna dengan kepelbagaian yang perlu dihargai. Hal ini demikian kerana, sebelum ini masyarakat hanya melihat kepada kaum India kebanyakan sahaja tanpa menelusuri komuniti minoriti yang terdapat dalam kaum besar ini.

Harapan pengkaji, dengan adanya penyelidikan seperti ini dapat menjadi satu usaha untuk memelihara warisan budaya masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum di Malaysia. Aktiviti memelihara warisan budaya bukanlah suatu perkara yang mudah kerana ianya melibatkan masyarakat dan individu yang ramai. Tanpa kerjasama pelbagai pihak usaha untuk memelihara warisan budaya ini tidak akan tercapai dan risiko kehilangan warisan itu sangat tinggi.

## 1.7 PENUTUP

Secara keseluruhannya, bahagian ini membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan, persoalan, objektif, skop kajian, dan kepentingan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji. Pembentukan perkara yang telah disebutkan di atas adalah salah satu proses penting di peringkat permulaan dalam menghasilkan kajian ilmiah. Hal ini demikian kerana, pengkaji harus mengenalpasti dengan baik dan jelas tentang hala tuju serta matlamat yang hendak dicapai bagi menjawab persoalan dan permasalahan yang timbul dalam kajian ini. Elemen-elemen ini akan menjadi penentu kepada keberhasilan pengkaji samada berjaya atau tidak dalam melaksanakan tugas penulisan ilmiah yang baik atau sebaliknya.

## **BAB DUA**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.0 PENGENALAN**

Bab ini akan membincangkan dengan lebih terperinci tentang kajian terdahulu berkaitan konsep warisan budaya, kategori warisan di Malaysia, warisan tidak ketara, persamaan upacara sadunggu dengan adat yang serupa, dari kaum yang lain di Malaysia. Hal ini demikian kerana, kajian lepas dan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji adalah saling berkait antara satu sama lain.

#### **2.1 KONSEP WARISAN BUDAYA**

Kemasyuran Melaka sebagai pusat perdagangan dunia semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka telah menyebabkan berlakunya migrasi dalam kalangan pedagang asing ke Tanah Melayu khususnya Melaka. Oleh itu, tidak hairanlah jika sehingga kini Melaka kaya dengan budaya warisan samada warisan dari penduduk tempatan sendiri mahupun warisan daripada proses asimilasi masyarakat. Perkara ini dapat dilihat melalui kewujudan masyarakat Chitti yang tinggal menetap di Gajah Berang, Melaka. Ianya merupakan satu-satunya komuniti Chitti atau peranakan India yang wujud di Tanah Melayu sejak zaman dahulu iaitu semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka dan perkampungan komuniti kecil ini telah diiktiraf sebagai Kampung Warisan dibawah Kerajaan negeri Melaka (Berita Kampus USM, 2015).

Pemahaman terhadap konsep warisan adalah sangat penting dalam kajian ini. Oleh itu, menurut Jabatan Warisan Negara, istilah warisan adalah berkaitan dengan tinggalan atau apa-apa sahaja yang diturunkan dari generasi ke generasi yang merupakan gambaran kehidupan masyarakat yang bertamadun. Selain itu, pengertian warisan mengikut seksyen 2 akta 645, adalah tapak, objek dan warisan yang berada di bawah air sama ada tersenarai dalam daftar warisan atau tidak (JWN,2021). Pengertian konsep yang dikemukakan oleh Jabatan Warisan Negara ini dilihat sangat jelas mengenai konsep warisan.

Istilah warisan sering digandingkan dengan istilah budaya. Hal ini demikian kerana, warisan dan budaya mempunyai hubung kait yang sangat rapat dimana istilah budaya meliputi cara fikir, cara tindakan diambil, cara melakukan sesuatu, percakapan, kediaman tempat tinggal, makanan, pemakaian, adat dan lain-lain yang merangkumi keseluruhan kehidupan yang akan diwarisi oleh keturunan yang akan datang. Dengan cara ini budaya dapat dikekalkan dan akan terus diingati (Cho Minsung, 2016). Jadi dapat disimpulkan disini bahawa warisan budaya adalah tinggalan turun-temurun yang diwarisi oleh generasi kini dan diamalkan dalam kehidupan harian. Setiap apa yang diamalkan memberi nilai yang tersendiri berdasarkan penghayatan individu ke atas apa yang dilakukan.

Selain itu, adat pula merupakan satu unsur penting dalam budaya. Takrifan bagi istilah adat adalah cara hidup dan aturan yang menggambarkan segala aktiviti yang dilakukan (Cho Minsung, 2016). Adat dan kepercayaan seseorang individu dapat membantu dalam menentukan tingkah laku mengikut pengamalan masyarakat setempat. Adat dan kepercayaan akan diikuti oleh upacara dan ritual dalam melakukan sesuatu perkara yang merupakan perubahan besar kepada kehidupan (rite of passage) masyarakat (SF Tan, 1992).

Berdasarkan pernyataan ini, didapati setiap tingkah laku dan perbuatan yang ditunjukkan oleh seseorang individu akan mempengaruhi pandangan ke atas adat yang diamalkan. Jika baik tingkah laku seseorang individu maka tinggilah pandangan ke atas adat budaya masyarakatnya. Hal ini kerana, setiap individu dalam sesebuah masyarakat itu bertanggungjawab ke atas budaya warisan masyarakatnya.

## **2.2 KATEGORI WARISAN BUDAYA DI MALAYSIA**

Secara umumnya, warisan budaya diberi mengikut kategori iaitu warisan ketara, warisan tidak ketara, dan warisan bawah air. Warisan ketara adalah sesuatu kebendaan yang boleh diwarisi atau diturunkan kepada generasi baru yang diistilahkan sebagai warisan tampak yang merangkumi monumen, bangunan dan sesebuah kawasan tertentu. Bagi warisan tidak ketara pula, ianya diterangkan melalui aspek ungkapan, bahasa, muzik, tarian, puisi dan cerita yang disampaikan secara mulut ke mulut serta seni bela diri (Yuszaidy Mohd Yusoff, 2011).

Konsep warisan budaya tidak ketara yang dikeluarkan oleh UNESCO dalam artikel 2(1) melalui konvensyen 2003, warisan tidak ketara adalah ekspresi, pengetahuan, amalan dan kemahiran yang diakui oleh individu atau kumpulan masyarakat bahawa ianya sebahagian daripada budaya mereka yang diwarisi daripada generasi lama kepada generasi baru, akan sentiasa diperbaharui atau cipta semula sebagai satu tindak balas ke atas persekitaran alam semula jadi yang berkaitan dengan sejarah mereka. Ianya juga memberi rasa kesinambungan dan sebagai identiti yang mewujudkan rasa hormat terhadap kreativiti manusia (Khadijah Mohamed, 2020).

Selain itu, melalui konvensyen 2003 artikel 2(2), menyatakan bahawa warisan budaya tidak ketara meliputi amalan sosial, tradisi pertukangan, seni persembahan, tradisi lisan, ritual, amalan mengenai sifat alam dan perayaan. Menurut Petronela 2016, warisan budaya tidak ketara memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha memelihara kekayaan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang diperolehi daripada generasi lama kepada generasi baru. Hal ini demikian kerana, terdapat nilai ekonomi dan sosial daripada penurunan ilmu pengetahuan tersebut kepada kumpulan masyarakat yang mengamalkannya (Khadijah Mohamed, 2020).

Nilai warisan merujuk kepada satu makna dan nilai positif yang difahami oleh individu atau masyarakat terhadap warisan samada ketara atau tidak ketara (Nur'Adilah Hassan, 2020). Hal ini kerana, penghayatan ke atas sesuatu nilai warisan adalah berbeza mengikut pandangan seseorang individu. Fungsi dan jenis warisan juga menjadi faktor yang boleh mempengaruhi individu atau kelompok masyarakat untuk meletakkan nilai ke atas sesuatu warisan tersebut. Selain itu, kesedaran dan pengetahuan terhadap sesuatu warisan itu penting untuk memupuk sifat menghargai warisan budaya yang ada.

Jelaslah, terdapat tiga kategori dalam warisan budaya yang terdapat di Malaysia, dimana ianya terdiri daripada warisan ketara, warisan tidak ketara dan warisan bawah air. Dalam konteks adat Sadanggu, ianya tergolong dalam warisan tidak ketara kerana amalan yang dipraktikkan ini merupakan sebuah ritual adat. Sifat dalam komuniti setempat dalam menghargai warisan budaya yang wujud di sekitar mereka sangat penting bagi meneruskan kelangsungan sesebuah warisan budaya khususnya di Malaysia.



## 2.3 SADANGGU SEBAGAI ‘RITE OF PASSAGE’

“Rite of passage” adalah ritual yang merujuk kepada perubahan seseorang individu atau kumpulan masyarakat daripada status lama kepada status yang baru. Ianya juga menandakan berlalunya satu tempoh waktu dalam kehidupan ke fasa yang lain (R. Tzanelli, 2007). Jelaslah bahawa ‘rite of passage’ merupakan proses penting yang akan dilalui oleh seseorang dalam kehidupannya. Oleh yang demikian, adat Sadanggu dikatakan sebagai ‘rite of passage’ kerana adat ini merupakan proses yang penting bagi anak perempuan dalam komuniti Chitti yang akan memasuki alam dewasa.

Adat Sadanggu merupakan satu majlis atau ritual yang masih lagi diamalkan oleh masyarakat Chetti khususnya di Melaka untuk menyambut peristiwa penting dalam kehidupan anak dara mereka tatkala mencapai peringkat kematangan. Dalam adat ini, beberapa ritual yang berkait rapat dengan keagamaan mereka telah dijalankan dengan beberapa peringkat yang perlu diikuti bagi melengkapkan adat sadanggu ini. Peringkat tersebut dimulakan dengan upacara mandi restu, jamuan makan dan upacara Sadanggu dijalankan dimana anak gadis berhias seperti pengantin dan diikuti dengan bacaan jampi (Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia). Selain terdapat peringkat-peringkat tertentu dalam pengamalan adat Sadanggu ini, terdapat juga pantang larang yang harus dijaga dan dipatuhi. Jelaslah bahawa adat ini merupakan ‘rite of passage’ bagi komuniti Chitti khususnya anak perempuan mereka.



Gambar 2.1: Proses adat Sadanggu

Sumber: Facebook Chetti Melaka, 2017

Di negara India sendiri iaitu di daerah Menarche, adat yang serupa turut diamalkan oleh masyarakat di sana. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian lepas oleh Nanette pada tahun 2017 yang telah melihat sendiri bagaimana proses adat Sadanggu ini dijalankan. Menurut beliau, bagi seorang anak gadis muda yang telah akil baligh, ianya merupakan satu proses peralihan yang penting dalam kehidupan mereka (rite of passage). Upacara atau peristiwa penting ini membawa kepada suatu perubahan yang ketara dalam

status sosial mereka. Melalui perubahan sosial ini, anak gadis muda perlulah mempunyai kesedaran diri dan lebih matang dalam setiap tingkah laku mereka. Mereka yang telah akil baligh ini akan sentiasa dipantau dari aspek aktiviti sosial dan akan diberi tugas yang lebih cenderung kepada tugas-tugas rumah tangga (Nanette R. Spina, 2017).

Masa remaja disimpulkan sebagai tempoh peralihan antara zaman kanak-kanak kepada zaman dewasa iaitu peningkatan terhadap tahap sosial individu untuk memperolehi peranan orang dewasa. Hal ini dapat dilihat melalui peranan individu yang secara beransur-ansur belajar untuk mengambil tanggungjawab terhadap peranan sebagai orang dewasa di masa depan. Menurut kajian lepas daripada Rogoff (2005) tentang 'rite of passage', perkembangan zaman remaja dipengaruhi oleh budaya dan cara untuk mereka membina pemahaman tentang perkembangan manusia, kematangan dan tanggungjawab sosial. Jadi 'rite of passage' dalam kehidupan seseorang individu adalah suatu penerokaan dalam pembentukan identiti diri dan ianya mungkin berbeza mengikut amalan budaya masyarakat (Sherri Nevada McCarthy, 2010).

Menurut Huntington 1979, terdapat tiga ciri penting dalam konsep 'rite of passage' ialah penyatuan antara seseorang individu dengan masyarakat, ciri kedua, sebagai simbolik dan ciri ketiga, kesedaran kepada budaya. Tiga ciri konsep ini boleh dikaitkan dengan adat Sadanggu. Prinsip pertama iaitu penyatuan seseorang individu dengan masyarakat dimana ritual-ritual yang dijalankan ini dapat menjadikan hubungan individu yang terlibat dalam adat ini dengan masyarakat sekeliling lebih erat. Hal ini kerana, mereka saling memerlukan bagi menjalankan adat ini. Bagi konsep kedua iaitu simbolik. Dalam komuniti Chitti adat Sadanggu merupakan simbolik kepada kepercayaan yang mereka anuti. Oleh sebab itu, ia masih diamalkan sehingga kini. Untuk konsep ketiga iaitu kesedaran budaya pula, dengan berlakunya ritual-ritual dalam adat Sadanggu ini ia akan membantu memberi kesedaran samada secara langsung ataupun tidak tentang kepentingan memelihara adat ini. Selain itu, 'rite of passage' juga boleh dikaitkan dengan adat yang diamalkan dalam perkahwinan, kelahiran dan kematian merupakan yang mempunyai tujuan tertentu yang menggambarkan perilaku masyarakat (SF Tan, 1992).

Dalam konteks kajian ini, adat Sadanggu menepati ketiga-tiga ciri tersebut. Hal ini demikian kerana, melalui majlis untuk meraikan adat sadanggu ini, penyatuan masyarakat dapat dilihat melalui kerjasama dalam menjayakan majlis yang dijalankan dimana ianya melibatkan beberapa individu penting seperti golongan agamawan Hindu

dan komuniti setempat. Selain itu, ianya juga adalah simbolik kepada anak perempuan dalam komuniti mereka dan merupakan sebuah amalan budaya mereka sejak dahulu lagi.

Tegaslah bahawa, adat Sandanggu yang diamalkan oleh komuniti minoriti ini merupakan peristiwa penting (rite of passage) bagi anak dara masyarakat Chitti kerana melalui adat ini, mereka dapat merasai bagaimana diraikan oleh kaum keluarga dan masyarakat. Malah ianya hanya berlaku sekali dalam hidup mereka. Peristiwa ini juga boleh dijadikan sebagai pengalaman berguna kepada anak-anak gadis dalam komuniti ini dalam mempraktikkan budaya warisan mereka. Hal ini kerana, mereka merupakan penerus kepada warisan budaya tidak ketara tinggalan nenek moyang mereka dan ianya perlulah diteruskan demi kelangsungan budaya ini untuk tatapan generasi akan datang.

#### **2.4 PERSAMAAN DALAM ADAT SADANGGU DAN ADAT BERKHATAN BAGI MASYARAKAT MELAYU**

Bagi masyarakat Melayu, terdapat juga konsep 'rite of passage' yang mana ianya mempunyai keserupaan dengan pengamalan adat Sadanggu yang diamalkan oleh komuniti Chitti ini. Melalui kajian lepas yang telah dibuat terdapat penerangan mengenai 'rite of passage' yang dilalui oleh masyarakat Melayu iaitu peralihan fasa kehidupan dimana ianya meliputi proses kelahiran, proses berpantang, majlis aqiqah, proses berkhatan, proses perkahwinan dan proses pengebumian (Wixsite, 2014). Adat Sadanggu yang diamalkan oleh komuniti Chitti ini dijalankan mengikut peringkat-peringkatnya. Antaranya anak gadis yang terlibat dalam upacara ini akan mandi restu untuk membuang roh-roh jahat, seterusnya diikuti dengan jamuan kuih tradisional dan barulah ke peringkat akhir iaitu upacara Sadanggu ini dijalankan dimana anak gadis mereka akan berhias seperti pengantin dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat jampi, kemudian sesi penyerahan hadiah kepada anak gadis tersebut dan dikalungkan bunga secara bersilang yang membawa maksud anak gadis yang belum berkahwin. Upacara diraikan dengan jamuan makan kuih tradisional atau masakan tradisi komuniti Chitti (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, n.d).

'Rite of passage' bagi masyarakat Melayu yang serupa dengan adat Sadanggu dalam komuniti Chitti adalah proses berkhatan. Ianya merupakan sebuah upacara penting bagi anak lelaki Melayu beragama Islam iaitu berkhatan. Upacara ini dijalankan ketika mereka berusia enam hingga 13 tahun dan boleh juga dilakukan ketika masih bayi.



Namun orang Melayu lebih suka melakukannya sebelum anak lelaki mereka memasuki usia remaja. Berkhatan adalah satu proses yang perlu dilalui oleh setiap lelaki muslim untuk memasuki alam kedewasaan. Majlis berkhatan ini kebiasaannya dilakukan semasa cuti sekolah dan akan dijalankan beberapa adat seperti mandi-manda secara beramai-ramai bagi menghilangkan ketakutan, berpakaian tradisional iaitu berbaju Melayu dan berkain pelikat yang kemudiannya akan diarak bersama ‘bunga manggar’ yang diiringi paluan kompang, pertunjukan silat dan turut diadakan kenduri sebagai jamuan. Selesai menjalankan adat ini, maka anak lelaki harus bersiap sedia untuk dikhatankan oleh ‘Tok Mudim’ (Mohd Nazri Abdul Raji, 2017).

Bagi anak perempuan dalam masyarakat Melayu, upacara berkhatan turut dilakukan namun ianya sedikit berbeza dengan upacara berkhatan bagi anak lelaki. Perbezaannya adalah bagi anak perempuan, khatan dilakukan secara senyap-senyap iaitu hanya melibatkan ibu bapa dan bidan sahaja manakala bagi upacara berkhatan anak lelaki diadakan kenduri (Anisah Abd Ghani, 1995).

Jadi jelaslah bahawa, proses berkhatan anak lelaki masyarakat Melayu dan upacara adat sadunggu bagi komuniti Chitti di Melaka mempunyai persamaan dimana kedua-duanya diraikan dalam satu majlis atau upacara dengan mengikut tradisi masing-masing dan berdasarkan kepercayaan yang tersendiri.

## **2.5 KERANGKA TEORI**

Di dalam setiap kajian yang dijalankan, kerangka teori adalah sangat penting, dimana ianya berperanan sebagai kayu ukur dalam sesebuah kajian. Jika hanya berdasarkan fakta yang diperolehi daripada kajian lepas tanpa kerangka teori maka tidak lengkaplah kajian yang dibuat. Oleh itu, bagi mendapatkan penjelasan mendalam bagi kajian ini, pengkaji telah mengaitkan kajian ini dengan teori yang sesuai dengannya. Penerangan lanjut mengenai teori yang diaplikasikan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

Menurut Kamarudin Husin (1997), maksud bagi pertumbuhan merupakan satu perubahan yang boleh dilihat daripada peringkat perkembangan ke peringkat perkembangan yang lain dan melalui tempoh masa ke tempoh masa tertentu. Proses perkembangan juga dapat dilihat melalui perubahan struktur dan fungsi badan seseorang individu ketika meningkat ke proses kematangan. Bagi menerangkan maksud

perkembangan pula, beliau mengistilahkan perkembangan sebagai satu bentuk perubahan tingkah laku seseorang yang berlaku secara berperingkat dan tersusun. Semua ini merupakan proses bagi mencapai peringkat kematangan (Azizi Yahaya, 2010).


Teori perkembangan Eric Erikson (1956), menyatakan bahawa perkembangan psikososial lebih cenderung kearah pembentukan identiti diri. Beliau menekankan kepentingan hubungan sosial antara kanak-kanak dengan persekitaran. Perkaitan teori ini dengan adat Sadanggu adalah bagaimana komuniti Chitti ini membantu anak dara mereka membina identiti diri dalam kalangan masyarakat. Dalam proses pelaksanaan adat ini, anak dara yang terlibat dengan adat Sadanggu perlulah mempunyai hubungan sosial yang baik dengan masyarakat di sekitarnya bagi mewujudkan kemesraan dan kesejahteraan semasa adat ini berjalan. Dalam teori ini, Eric Erikson telah mengemukakan lapan tahap perkembangan iaitu asas kepercayaan lawan asas ketidakpercayaan, kedua autonomi lawan keraguan, ketiga inisiatif lawan rasa bersalah, keempat industri lawan rasa rendah diri, kelima identiti lawan kekeliruan identiti, keenam keintiman lawan keasingan, ketujuh generativiti lawan kekakuan dan kelapan integriti lawan kekecewaan. Menurut beliau, tahap kelima iaitu krisis yang akan dialami oleh remaja iaitu keclaruan identiti. Tahap ini merupakan tahap yang paling penting kerana akan berlakunya satu perubahan yang begitu ketara pada fizikal dan psikologi kanak-kanak untuk kea lam remaja. Pembinaan identiti merupakan proses asas kepada remaja, keberhasilan membentuk jati diri dengan baik membolehkan mereka menyelesaikan masalah pembentukan identiti yang positif (Azizi Yahaya, n.d).



Rajah 2.2: Tahap bagi teori Erik Erikson

Sumber: (Bunga Merah, n.d)

Menurut teori yang dibawa oleh Jean Piaget pula, beliau telah kemukakan pandangan yang menyatakan bahawa kanak-kanak akan melalui empat proses perkembangan kognitif, dimana ianya merangkumi aspek sensori motor penerokaan dengan menggunakan deria, kedua peringkat praoperasi iaitu kemahiran menggunakan simbol, ketiga operasi konkrit kanak-kanak mula mempunyai kemahiran berfikir secara logik dan tahap keempat ialah operasi formal kemahiran berfikir secara logik dan kreatif oleh kanak-kanak (Shahira Nazirah, n.d).



Rajah 2.3: Tahap-tahap perkembangan kognitif menurut Piaget.

Sumber: (Aina Mulyana, 2019).

Oleh itu, teori perkembangan yang telah pengkaji kemukakan ini sangat bertepatan dengan kajian yang akan dijalankan. Hal ini demikian kerana, kajian ini melibatkan proses perkembangan yang akan dilalui oleh golongan kanak-kanak kepada peringkat remaja yang seterusnya membawa kepada alam dewasa. Di dalam kajian ini juga, aspek yang akan diberi penekanan adalah proses berlakunya perkembangan seseorang individu yang mempunyai kaitan yang rapat dengan pengamalan budaya masyarakat.

MALAYSIA  
KELANTAN

## 2.6 PENUTUP

Berdasarkan tajuk kajian yang dikemukakan oleh pengkaji mengenai ritual dalam adat Sadanggu bagi meraikan fasa peralihan hidup anak perempuan masyarakat Chitti di Melaka, pengkaji dapat mempelajari konsep warisan dengan lebih jelas dan mengetahui apa itu adat Sadanggu yang diamalkan oleh komuniti Chitti serta pengkaji dapat mengkaji aspek persamaan adat ini dengan adat berkhatan dalam kalangan masyarakat Melayu yang mempunyai ciri keserupaan antara kedua-duanya. Selain itu juga, pengkaji dapat mendalami tahap-tahap perkembangan dalam proses pertumbuhan manusia menerusi teori-teori perkembangan oleh tokoh-tokoh yang pakar dalam bidang ini.

Secara keseluruhannya, teori perkembangan yang dinyatakan oleh pengkaji amat bersesuaian dalam kajian ini. Perkara ini dikatakan demikian kerana, adat Sadanggu ini merupakan salah satu proses dalam perkembangan manusia khususnya bagi komuniti Chitti di Melaka. Oleh itu, kajian lepas sangat penting dalam penyelidikan ini, dimana setiap daripada kajian lepas yang diperolehi oleh pengkaji sememangnya sangat berkait rapat dengan tajuk kajian pengkaji.

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 PENGENALAN**

Bahagian metodologi kajian ini akan mengupas tentang pendekatan yang diaplikasikan oleh pengkaji untuk melaksanakan kajian ini. Perkara ini bertujuan untuk memberi penjelasan dan penerangan tentang bagaimana data diperolehi dan dianalisis untuk disimpulkan menjadi suatu maklumat yang tepat dan boleh dipercayai kesahihannya.

#### **3.1 PENDEKATAN KAJIAN**

Kajian mengenai ritual dalam adat Sadanggu bagi meraikan fasa peralihan hidup anak perempuan dalam masyarakat Chitti di Perkampungan Chitti, Melaka ini dihasilkan melalui pendekatan kajian kes. Kajian kes adalah proses analisis yang mendalam tentang sesuatu peristiwa. Ianya melibatkan pemerhatian dan analisis terhadap situasi yang berlaku. Pendekatan ini merupakan salah satu cara yang terbaik untuk pengkaji melihat situasi dan keadaan sekeliling mengenai pengetahuan orang awam mengenai kewujudan masyarakat Chitti di Melaka. Menurut Burn (1995), kajian kes hanya fokus terhadap subjek kajian yang mempunyai ciri-ciri yang ingin dikaji oleh pengkaji. Ini dapat disimpulkan bahawa kajian kes lebih cenderung mengkaji mengenai seseorang individu, peristiwa tertentu dalam pengamalan budaya serta persekitaran. Merriem (1995) berpendapat bahawa kajian kes digunakan bertujuan meningkatkan kefahaman terhadap subjek kajian. Kajian kes juga membolehkan kajian secara menyeluruh dapat dijalankan untuk mengetahui kriteria sesuatu peristiwa dalam kehidupan yang sebenar (Noormala Ali, n.d).

Oleh itu, melalui pendekatan ini, pengkaji dapat menjalankan kajian dengan ketepatan maklumat yang diperolehi bagi menjawab kepada persoalan kajian iaitu mengenai pengetahuan masyarakat kini tentang komuniti Chitti serta adat Sadanggu yang amalkan, selain mendalami ritual dalam adat ini dan apa yang uniknya dengan adat Sadanggu ini.

### **3.2 REKA BENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian adalah satu rancangan yang dibuat oleh pengkaji untuk menyiapkan kajian yang dijalankan. Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara dalam mengolah maklumat yang diperolehi berdasarkan suatu rancangan yang bersistematik dalam pembentukan hubungan antara pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian (Kerlinger, 1970).

Metod yang digunapakai bagi mendapatkan data maklumat adalah melalui sumber primer dan sekunder. Teknik analisis data turut dijalankan oleh pengkaji untuk memperolehi sumber maklumat. Proses mendapatkan data melalui bahan rujukan seperti jurnal, laman web, dan artikel internet telah dilakukan oleh pengkaji bagi mendapatkan sumber maklumat tambahan yang lebih meluas untuk penulisan kajian ini. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah campuran dimana soal selidik dijalankan ke atas masyarakat sekitar Melaka bagi mendapatkan data mengenai tahap pengetahuan mereka tentang komuniti Chitti. Kaedah temubual juga turut diaplikasikan oleh pengkaji bagi memperolehi data mengenai bagaimana ritual adat Sadunggu itu dijalankan serta melalui pemerhatian ke atas keunikan yang dibawa oleh adat ini. Perolehan data ini seterusnya akan disusun berdasarkan turutan ke dalam penulisan kajian.

### **3.3 UNIT ANALISIS**

Unit analisis merupakan subjek untuk pengkaji mendapatkan data. Ianya terdiri daripada individu, kelompok masyarakat atau organisasi. Dalam konteks kajian ini, unit analisis kajian adalah manusia yang merujuk kepada masyarakat melaka yang akan disoal selidik oleh pengkaji dan kumpulan masyarakat Chitti di Melaka yang akan turut ditemubual oleh pengkaji. Selain itu lokasi kajian yang dipilih adalah di negeri Melaka, khususnya di Perkampungan Chitti, Gajah Berang, Melaka. pemilihan lokasi ini adalah kerana komuniti Chitti hanya tertumpu di kawasan tersebut dan lokasi terdekat dengan tempat tinggal pengkaji.



### **3.4 KAEDAH KAJIAN**

Metod yang digunakan oleh pengkaji bagi melaksanakan kajian ini adalah kajian campuran iaitu kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif merujuk kepada cara perolehan data yang boleh diukur melalui proses alat-alat pengukuran seperti soal selidik. Dimana pengkaji akan menggunakan kaedah ini bagi mendapatkan data berkaitan pengetahuan masyarakat tentang komuniti Chitti. Manakala bagi kaedah kualitatif pula merujuk kepada cara data diperoleh melalui pemerhatian, temubual, analisis dokumen untuk mendapatkan data yang sahih. Teknik ini akan diaplikasikan oleh pengkaji melalui temubual bersama komuniti Chitti sendiri untuk bertanyakan tentang adat yang diamalkan serta mendapatkan pandangan komuniti itu sendiri yang lebih arif tentang amalan mereka sendiri.

#### **3.4.1 KAEDAH KUALITATIF**

Kualitatif merupakan sumber data yang berbentuk deskriptif diperolehi daripada pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Sumber maklumat yang diperolehi melalui kaedah ini merupakan diari atau catatan nota ketika di lapangan kajian. Ianya merupakan sumber maklumat utama bagi membuktikan hasil kajian lapangan yang dijalankan oleh pengkaji. Menurut Bogdan dan Taylor (1984), sumber data kualitatif adalah berbentuk deskripsi yang didapati melalui ucapan lisan dan catatan daripada apa yang diperhatikan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah temubual ke atas komuniti Chitti di Melaka bagi mendapatkan data mengenai objektif kedua dan ketiga iaitu tentang proses ritual dan adat Sadanggu yang diamalkan oleh komuniti ini.

#### **3.4.2 KAEDAH KUANTITATIF**

Kuantitatif merujuk kepada sumber data yang boleh dikira dan diukur yang kemudiannya dibentangkan ke dalam numerikal. Kajian yang menggunakan metod ini lebih cenderung kepada kajian berbentuk eksperimental dan perolehan data akan dianalisis melalui statistic (Zulia Fizawan, n.d). Kaedah ini digunakan untuk menerangkan hasil dapatan data yang menjawab kepada objektif pertama

kajian. Pengkaji akan menjalankan soal selidik ke atas masyarakat Melaka, dimana ianya berkisarkan kepada pengetahuan masyarakat.

### **3.5 TEKNIK PENGUMPULAN DATA**

Teknik pengumpulan data yang digunapakai dalam kajian ini melibatkan sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer, pengkaji perolehi daripada teknik temubual. Temubual dilakukan bagi mendapatkan sumber data berkaitan dengan objektif kedua dan ketiga iaitu bagaimana proses ritual adat Sadanggu dijalankan oleh komuniti Chitti di Melaka dan teknik soal selidik bagi menjawab objektif pertama yang dikemukakan oleh pengkaji iaitu tentang pengetahuan masyarakat tentang komuniti Chitti serta adat yang diamalkan. Pengkaji telah menggunakan kebijaksanaan dalam menentukan kaedah yang sesuai digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan data yang sukar diperolehi. Maklumat yang telah diperolehi kemudian akan dikumpul oleh pengkaji dan dianalisis untuk dijadikan isi penulisan dalam kajian ini.

#### **3.5.1 DATA PRIMER**

Bagi mendapatkan data mengenai pengetahuan umum masyarakat Melaka, proses ritual bagi adat Sadanggu dan keunikan yang terdapat dalam adat ini, pengkaji telah membuat pilihan untuk menggunakan kaedah kutipan data secara primer. Data primer diperolehi melalui kaedah kuantitatif iaitu soal selidik bagi objektif pertama dan kaedah kualitatif bagi menjawab objektif kedua dan ketiga melalui temubual.

Dalam situasi terkini, dimana keadaan negara yang sedang dilanda wabak Covid-19 yang menunjukkan angka yang semakin meningkat dan keterbatasan pergerakan yang diambil oleh kerajaan bagi memutuskan rantai penularan virus ini. Di atas kebijaksanaan pengkaji bagi mendapatkan sumber maklumat yang perlu untuk menjawab objektif dalam kajian ini, maka pengkaji telah mengambil keputusan untuk melakukan soal selidik menggunakan platform media sosial dan temubual dengan komuniti Chitti secara dalam talian. Hal ini difikirkan kaedah terbaik untuk menyiapkan kajian ini. Soal selidik telah disebar melalui media sosial seperti 'WhatsApp', Facebook' dan Telegram. Manakala bagi sesi temubual yang akan dijalankan pastinya akan direkod oleh pengkaji dengan mengaplikasikan teknologi terkini iaitu perakam suara atau beberapa



kaedah lain yang difikirkan perlu seperti panggilan video atau menerusi 'google meet' agar pengkaji tidak terlepas sebarang data yang diperlukan.

Jenis temubual terdiri daripada tiga iaitu temubual berstruktur, temubual semi struktur dan temubual tidak berstruktur (Fadz Dila, n.d). Bagi kajian ini, pengkaji telah memilih untuk melakukan temubual berstruktur. Pengkaji akan mengemukakan soalan-soalan yang berkisarkan tajuk kajian sahaja. Peranti yang akan digunakan dalam sesi temubual ini adalah gajet peranti mudah alih seperti telefon pintar dan komputer riba sebagai bahan bukti bahawa kajian telah dijalankan menerusi platform ini. Pengkaji menetapkan beberapa individu sebagai responden daripada komuniti Chitti di Melaka untuk mendapatkan pandangan mereka yang seterusnya menjawab beberapa persoalan berkaitan adat sadanggu ini.

#### **I. Analisis Data Tematik**

Melalui kajian ini, pengkaji telah menganalisis data yang diperolehi melalui proses analisis tematik untuk mengenalpasti keseluruhan aspek yang berkaitan dengan adat Sadanggu yang diamalkan oleh komuniti Chitti di Melaka. Dapatan data yang diperolehi disusun dengan rapi, sistematik dan lengkap. Menerusi kajian ini, bagi mendapatkan data berkaitan proses adat Sadanggu dan keunikan pengamalan adat ini, maka pengkaji telah menemubual empat orang informan. Sesi temubual dijalankan melalui beberapa kaedah iaitu temubual secara langsung, temubual melalui aplikasi 'Google Meet' dan melalui aplikasi 'WhatsApp'. Kerja lapangan bagi sesi temubual secara langsung telah dijalankan di kawasan Kampung Chetti, Gajah Berang, Melaka.

Berikut merupakan maklumat berkaitan informan yang terlibat dalam sesi temubual:

Bil	Nama Informan	Jantina	Umur	Status	Kaedah Temubual
1.	Encik Sundaram Padiachee (Informan 1)	Lelaki	60	Ahli Jawatankuasa Sri Poyantha Vinayagar Moorty Temple	Aplikasi 'Google Meet'
2.	Madam Velameh (Informan 2)	Wanita	53	Komuniti Chitti Melaka	Aplikasi 'WhatsApp'
3.	Encik K. Suppiah Pillay (Informan 3)	Lelaki	72	Komuniti Chitti Melaka	Temubual bersemuka
4.	Madam Santha Devi (Informan 4)	Wanita	62	Komuniti Chitti Melaka	Temubual bersemuka

Jadual 3.1: Maklumat Informan  
 Sumber: (Kajian Lapangan, 2021)

Menurut jadual 3.1, pengkaji telah menemu bual empat orang informan. Mereka terdiri daripada ahli jawatankuasa kuil Chitti di kawasan Gajah Berang, Melaka dan terdapat juga beberapa orang ahli komuniti Chitti yang menetap di kampung Gajah Berang, Melaka. Para informan terdiri daripada 2 orang lelaki iaitu Encik Sundaram Padiachee yang berumur 60 tahun dan Encik K. Suppiah Pillay yang berumur 72 tahun. Selain itu, terdapat juga 2 orang wanita iaitu Madam Velameh yang berumur 53 tahun dan Madam Santha Devi yang berumur 62 tahun. Oleh kerana situasi semasa akibat pandemik Covid-19 maka kaedah temubual dijalankan dengan 3 kaedah iaitu melalui aplikasi 'Google Meet', aplikasi 'WhatsApp' dan temubual secara bersemuka.

### **3.5.2 DATA SEKUNDER**

Sumber perolehan data turut menggunakan sumber sekunder, dimana ianya berdasarkan bahan-bahan rujukan tambahan yang didapati menerusi sumber internet, bahan bacaan ilmiah, jurnal, tesis, video dan laman web yang difikirkan boleh membantu dalam memberikan maklumat dalam kajian ini.

#### **I. Sumber Internet**

Pengkaji telah menggunakan sumber internet bagi mendapatkan data kajian. Kaedah ini digunapakai kerana ia merupakan sumber yang mudah diperolehi dan sering menjadi pilihan bagi menjalankan kajian oleh penyelidik-penyelidik lain termasuk pengkaji untuk kajian ini. Pengkaji telah mencari beberapa infomasi berkaitan konsep warisan, bentuk-bentuk warisan tidak ketara, dan maklumat lain yang berkaitan dengan kajian ini di laman-laman web rasmi mahupun tidak rasmi dan di blog-blog yang boleh didapati di 'Google'.

#### **II. Jurnal**

Selain itu, pengkaji turut menemui maklumat berkaitan dengan kajian ini melalui jurnal-jurnal 'online'. Ianya merupakan data maklumat yang sangat berharga kepada pengkaji dalam menghasilkan penulisan yang baik dengan menjawab kepada objektif serta persoalan kajian yang dijalankan ini.

#### **III. Buku**

Oleh kerana keterbatasan pergerakan akibat wabak yang melanda negara ketika ini, pengkaji telah mengambil inisiatif untuk mendapatkan maklumat daripada buku yang telah di digitalkan. Buku digital yang telah ditemui kemudian dianalisis oleh pengkaji dan terdapat maklumat yang sangat membantu dalam mengenali adat Sadanggu ini.

#### **IV. Video**

Selain sumber sekunder yang telah disenaraikan diatas, pengkaji turut mendapatkan perolehan data dalam bentuk video. Video ini telah diakses melalui platform 'Youtube'. Terdapat banyak sumber video yang sedikit sebanyak membantu memberi penerangan dan gambaran yang lebih terperinci dan lebih mudah difahami oleh pengkaji. Tidak dinafikan, sumber ini sangat bermanfaat kepada pengkaji.

### 3.6 PENSAMPELAN

Pensampelan adalah pemilihan kumpulan yang ingin dikaji oleh pengkaji. Ianya bertujuan untuk mendapatkan sumber maklumat tentang sesuatu populasi. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih komuniti Chitti dan masyarakat negeri Melaka sebagai pensampelan, dimana pengkaji akan membuat pemerhatian dan temubual ke atas komuniti Chitti dan soal selidik ke atas masyarakat Melaka.

Pensampelan yang diaplikasikan oleh pengkaji dalam kajian ini terdiri daripada dua pensampelan iaitu pensampelan berkebarangkalian melalui teknik rawak mudah dan pensampelan bukan kebarangkalian dengan teknik secara kebetulan.


Pensampelan berkebarangkalian secara rawak adalah pemilihan responden oleh pengkaji secara rawak di sekitar Melaka yang mempunyai kriteria-kriteria yang terdapat dalam populasi kajian. Ianya dijalankan menerusi soal selidik secara dalam talian, dimana borang soal selidik dibuat melalui platform 'google form' kepada 30 orang responden samada lelaki mahupun wanita. Pengkaji akan menggunakan media sosial iaitu 'WhatsApp', 'Facebook' dan Telegram. Ini adalah bagi menjawab objektif pertama iaitu mengenalpasti pengetahuan masyarakat Melaka tentang komuniti Chitti dan adat Sadanggu yang diamalkan oleh komuniti ini.



Rajah 3.2: Proses Pensampelan Berkebarangkalian.

Sumber: Penulisan Kajian Lepas oleh Hidayatun, (2020).

Bagi pensampelan bukan kebarangkalian bertujuan. Pensampelan bentuk ini merujuk kepada sekumpulan subjek yang terdapat kriteria-kriteria tertentu sahaja sebagai responden. Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan memilih responden dari kalangan komuniti Chitti yang terdapat di Melaka sahaja, dimana pengkaji hanya fokus kepada komuniti ini dan adat yang diamalkan iaitu adat Sadanggu.



Rajah 3.3: Proses Pensampelan Bukan Kebarangkalian.

Sumber: Slideshare.net, (2015)

### **3.7 INSTRUMEN KAJIAN**

Penghasilan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa instrument bagi melancarkan proses mendapatkan sumber-sumber berkaitan dengan tajuk kajian ini. Antara instrumen yang digunakan adalah seperti berikut:

#### **a) Telefon pintar dan komputer riba**

Pengkaji telah menggunakan gajet iaitu telefon dan komputer riba untuk mencari data kajian secara dalam talian dan merakam sebarang maklumat dalam temubual dengan responden serta sebagai media untuk mengambil gambar selepas selesai sesi temubual. Ini akan dijadikan sebagai bukti bahawa proses temubual benar-benar dijalankan selain berfungsi sebagai dokumentasi.

#### **b) Data internet**

Keperluan bagi mendapatkan rangkaian internet dalam situasi wabak begini sangat penting. Penggunaan data internet oleh pengkaji adalah untuk mengakses sumber maklumat secara dalam internet dan melakukan soal selidik dengan menggunakan platform 'google form' yang akan diedarkan menerusi aplikasi laman sosial.

#### **c) Kertas dan alat tulis**


Pengkaji menggunakan kertas dan alat tulis untuk mencatatkan segala informasi didapati mengenai ritual adat sadunggu yang diamalkan oleh komuniti Chitti di Melaka. Segala sumber maklumat akan ditulis oleh pengkaji yang kemudiannya dijadikan sebagai rujukan untuk penulisan kajian ini.

#### **d) Audio**

Alat merakam audio digunakan dalam sesi temubual yang akan dijalankan oleh pengkaji. Rakaman audio yang dibuat kemudian akan disimpan dan dijadikan sebagai bahan rujukan untuk ulang dengar dalam proses analisis data kajian.

### 3.8 ANALISIS DATA

Analisis data merupakan proses pengorganisasian sumber data yang diperolehi. Proses pengorganisasian ini dilakukan supaya data disusun dengan rapi, sistematik dan lengkap (Fitry Febri, n.d). Pengkaji telah menggunakan analisis tematik dan analisis deskriptif bagi mengenalpasti, analisis dan melaporkan pola-pola bagi maklumat yang telah dikumpulkan (Braun, 2016). Pemilihan teknik tersebut adalah berdasarkan teori dan tahap dapatan sumber maklumat oleh pengkaji. Proses analisis sata dibuat seperti yang dinyatakan di bawah:



Rajah 3.4: Proses analisis data  
Sumber: (Braun, 2016)

Rajah 3.4 memaparkan langkah-langkah yang harus dilaksanakan oleh oleh pengkaji dalam proses analisis data. Langkah awal yang perlu dijalankan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah dengan menjalankan transkripsi data. Proses ini dijalankan ke atas rakaman audio yang diperolehi melalui hasil temubual oleh pengkaji dengan individu-individu yang terlibat. Ianya dilakukan daripada audio yang ditukarkan ke bentuk teks ayat yang lebih mudah difahami dan bentuk ayat yang berbentuk penulisan ilmiah. Rakaman yang dibuat melalui telefon pintar adalah cara yang difikirkan sangat berkesan oleh pengkaji kerana ianya dapat disimpan dan boleh diulang dengar. Hal ini demikian kerana, ianya dapat membantu pengkaji daripada tidak kehilangan atau kecaciran maklumat berguna dalam penulisan kajian ini.

Seterusnya, pengkaji akan melakukan bacaan semula ke atas transkripsi yang telah dibuat serta membuat penelitian yang mendalam untuk memastikan maklumat yang didapati adalah boleh diterima pakai dan mempunyai hubungkaitnya dengan kajian ini.



Proses bacaan semula ini dilihat sangat penting kerana penghasilan kajian yang baik perlulah jelas dan sahih. Pembacaan yang lebih teliti membolehkan pengkaji mengenalpasti data yang perlu diketengahkan dan data yang tidak perlu diketengahkan. Daripada langkah ini, pengkaji dapat lebih memahami dan menentukan maklumat data yang penting mengikut objektif kajian.

Langkah yang seterusnya, adalah penentuan tema, pemilihan kod dan sub-kumpulan. Pengkaji akan membahagikan data-data yang diperolehi kepada kategori dan kumpulan berdasarkan objektif kajian. Pembahagian terhadap pengetahuan masyarakat sekitar Melaka tentang komuniti Chitti, bagaimana proses ritual adat Sadunggu ini dijalankan dan menjelaskan ciri-ciri unik dalam pengamalan adat ini. Pembahagian maklumat mengikut kumpulan tersebut sangat penting bagi memenuhi matlamat kajian ini.

Proses terakhir, iaitu 'triangulasi'. Dalam proses ini ianya mengabungkan sumber-sumber data yang berbentuk kuantitatif dan kualitatif, teori yang diaplikasikan, serta teknik-teknik yang digunapakai dalam penentuan metodologi kajian yang telah dijalankan. Hal ini demikian kerana, setiap sumber, kaedah dan teknik yang digunakan mempunyai hubung kait yang sangat rapat antara satu sama lain bagi menghasilkan sebuah kajian yang tulen dan baik. Setiap perolehan sumber maklumat akan disatukan yang kemudiannya membentuk sebuah hasil kajian yang lengkap.

Gabungan data-data ini akan menjadi penentu kepada keputusan akhir kajian samada ianya mencapai objektif kajian atau tidak. Oleh itu, analisis data merupakan kerangka awal yang sangat penting dalam setiap kajian agar kajian yang dijalankan mengikut landasan yang betul, teratur dan mengikut tertib dalam penghasilan penulisan kajian.

Bagi analisis berbentuk deskriptif pula, ianya meliputi proses kelompok, atur mengikut urutan, atau pemisahan komponen atau data yang diperolehi dengan menyatakan kerelevanan dari data yang didapati sehingga ianya mudah untuk difahami (Dona Abdi, n.d). Pengkaji akan mengaplikasikan analisis deskriptif bagi menjawab objektif pertama dengan menggunakan kaedah soal selidik. Data yang diperolehi kemudian akan dianalisis ke dalam bentuk angka.

### 3.9 PENUTUP

Secara keseluruhannya, bahagian ini telah memberi penerangan tentang metod-metod yang akan dijalankan oleh pengkaji di dalam kajian ini. Kejayaan dalam penghasilan penulisan kajian penyelidikan yang baik adalah berdasarkan kepada metodologi yang diaplikasikan ke dalam kajian. Hal ini kerana, di dalam metodologi kajian mengandungi reka bentuk kajian, kaedah kajian, teknik pengumpulan data, unit analisis dan kerangka teori yang digunakan. Selain itu, sumber perolehan maklumat samada dari sumber primer ataupun sumber sekunder, persampelan, instrument kajian serta analisi data juga merupakan bahagian daripada metodologi kajian. Teknik dalam pengumpulan sumber maklumat dan bagaimana data dianalisis juga penting bagi menjawab objektif dan persoalan kajian. Dengan adanya kajian ini, diharap dapat menjadi titik tolak yang membantu memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan memelihara budaya, adat dan tradisi bangsa.



## **BAB EMPAT**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 PENGENALAN**

Bahagian ini akan memperincikan tentang hasil daripada proses pengumpulan data yang telah dijalankan oleh pengkaji melalui temubual bersama wakil bagi komuniti Chitti dan soal selidik ke atas masyarakat Melaka. Hasil dapatan kajian yang diperolehi mengandungi maklumat berkaitan dengan proses adat Sadanggu yang diamalkan oleh komuniti Chitti, keunikan dalam pengamalan adat ini dan data berkaitan jantina, umur, kaum, daerah dan pandangan masyarakat Melaka tentang kewujudan komuniti Chitti di Melaka. Kajian ini dijalankan untuk melihat perspektif komuniti Chitti sendiri dalam proses yang dilakukan bagi menyempurnakan adat Sadanggu yang diamalkan sejak turun-temurun. Selain itu juga soal selidik dijalankan ke atas masyarakat Melaka adalah bertujuan menilai tahap pengetahuan masyarakat Melaka tentang keberadaan komuniti minoriti ini di negeri mereka sendiri. Hasil daripada dapatan kajian tersebut telah diperincikan melalui gambar rajah, carta dan graf yang bersesuaian.

#### 4.1 DATA DEMOGRAFI RESPONDEN

Pada bahagian ini mengandungi data demografi berkaitan latar belakang responden yang telah terlibat dalam soal selidik bagi melengkapkan kajian ini. Ianya diperolehi melalui soalan yang dijawab oleh responden menerusi aplikasi ‘Google Form’ yang diagihkan melalui platform media sosial iaitu ‘Whatsapp’, ‘Facebook’ dan Telegram. Data tersebut adalah mengenai jantina, umur, kaum, dan daerah.

Jantina	Frekuensi	Peratus (%)
Lelaki	100	36.2
Perempuan	176	63.8
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>276</b>	<b>100</b>

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina Masyarakat Melaka

Sumber: (Kajian Lapangan, 2021)

Berdasarkan jadual 4.1, hasil kutipan data menunjukkan bahawa seramai 100 orang atau (36.2%) daripada responden kajian ini adalah daripada golongan lelaki, manakala seramai 176 orang atau (63.8%) dari kalangan responden perempuan. Pemilihan responden dibuat secara rawak dimana kutipan data dilakukan secara dalam talian melalui platform ‘Google Form’ dan diedarkan secara dalam talian seperti di aplikasi ‘WhatsApp’, ‘Facebook’ dan Telegram. Melalui perolehan data ini, dapat dilihat bahawa responden wanita adalah lebih tinggi berbanding responden lelaki. Hal ini demikian kerana, kerjasama daripada responden wanita lebih mudah dan senang diperolehi.

Berikut merupakan taburan responden yang dikenalpasti mengikut umur:

<b>Umur</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>18-25</b>	156	56.5
<b>26-33</b>	51	18.5
<b>34-40</b>	28	10.1
<b>41-47</b>	21	7.6
<b>48-55</b>	10	3.6
<b>56 dan ke atas</b>	10	3.6
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	276	100

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Umur

Sumber: (Kajian Lapangan, 2021)

Jadual 4.2 menunjukkan seramai 156 orang dari kalangan responden yang berusia antara 18-25 tahun atau sebanyak (56.5%). Responden yang berumur 26-33 tahun pula mencatatkan bilangan sebanyak 51 orang bersamaan dengan (18.5%). Seterusnya, responden yang berumur antara 34-40 tahun pula adalah seramai 28 orang atau sebanyak (10.1%). 21 orang responden direkodkan dalam lingkungan umur antara 41-47 iaitu bersamaan dengan (7.6%). Manakala bagi responden yang berumur 48-55 dan 56 ke atas masing-masing mencatatkan 10 responden iaitu sebanyak (3.6%). Secara keseluruhannya, hasil perolehan data menunjukkan bahawa responden yang berumur antara 18-25 tahun adalah lebih tinggi berbanding yang lain, dimana peratusannya melebihi 50%. Hal ini adalah kerana, faktor golongan umur begini lebih ramai yang menggunakan aplikasi media sosial, dimana soal selidik yang dijalankan adalah melalui 'Google Form' yang disebarluaskan secara dalam talian seperti 'Facebook', WhatsApp' dan Telegram.

Berikut merupakan kutipan data responden mengikut kaum:

<b>Kaum</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Melayu</b>	240	87
<b>Cina</b>	9	3.3
<b>India</b>	15	5.4
<b>Peranakan India</b>	6	2.2
<b>Peranakan Cina</b>	1	0.4
<b>Lain-lain</b>	5	1.8
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	276	100

Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Kaum

Sumber: (Kajian Lapangan, 2021)

Jadual 4.3 menunjukkan perolehan data responden dari kalangan orang Melayu sebanyak 240 orang bersamaan dengan (87%). Responden dalam kalangan orang Cina dan India masing-masing mencatatkan sebanyak 9 orang (3.3%) dan 15 orang (5.4%). Selain itu, responden dari kalangan Peranakan India adalah sebanyak 6 orang bersamaan dengan (2.2%) dan responden dari kalangan Peranakan Cina hanya mencatatkan 1 orang atau (0.4%) manakala bagi responden yang dari kaum lain-lain adalah sebanyak 5 orang atau (1.8%). Berdasarkan situasi semasa akibat pandemik Covid-19, soal selidik dijalankan secara atas talian dan jumlah kaum Melayu dilihat lebih tinggi berbanding kaum lain adalah kerana pengkaji menyebarkan link 'Google Form' di dalam kumpulan komuniti yang majoriti berbangsa Melayu. Oleh sebab itu, pengkaji tidak dapat mengumpul jumlah responden yang ramai dari kalangan kaum Cina dan India.

Berikut merupakan data yang diperolehi daripada responden mengikut daerah:

<b>Daerah</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Jasin</b>	135	48.9
<b>Melaka Tengah</b>	94	34.1
<b>Alor Gajah</b>	47	17
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	276	100

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Daerah


Sumber: (Kajian Lapangan, 2021)

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa jumlah responden dari daerah Jasin adalah seramai 135 orang atau (48.9%) manakala bagi jumlah responden dari daerah Melaka Tengah pula adalah seramai 94 orang bersamaan dengan (34.1%) dan jumlah responden dari daerah Alor Gajah adalah sebanyak 47 orang atau (17%). Secara keseluruhannya, jumlah responden dari daerah Jasin adalah lebih tinggi berbanding daerah-daerah lain. Hal ini demikian kerana, mungkin dipengaruhi oleh lokasi kediaman pengkaji dan responden dari daerah Jasin merupakan kenalan pengkaji yang memang merupakan masyarakat Melaka sendiri.

## **4.2 PENGETAHUAN ORANG AWAM SEKITAR MELAKA TENTANG KOMUNITI CHITTI**

Kajian ini membincangkan tentang persoalan sejauh manakah masyarakat kini tahu mengenai kaum Chitti dan amalan Sadunggu di Melaka. Soalan soal selidik dibentuk mengikut skala likert iaitu pilihan dari ‘sangat tidak setuju’, ‘tidak setuju’, ‘tidak pasti’, ‘setuju’, dan ‘sangat setuju’. Soalan soal selidik ini dibuat bagi memahami tahap pengetahuan masyarakat di negeri Melaka tentang kewujudan komuniti Chitti dalam kalangan mereka. Soalan soal selidik ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu pengetahuan umum, adat/budaya dan kesedaran masyarakat tentang peranan mereka dalam memelihara warisan budaya. Hasil daripada dapatan kajian soal selidik yang dibuat, dijelaskan melalui gambaran graf berikut:

#### 4.2.1 Pengetahuan Umum



Rajah 4.5: Pengetahuan umum masyarakat Melaka tentang kewujudan komuniti Chitti di Melaka

Sumber: (Kajian Lapangan, 2021)


Berdasarkan kepada graf yang telah ditunjukkan di atas, lima soalan berkaitan pengetahuan umum masyarakat Melaka tentang kewujudan komuniti Chitti telah dibentuk dalam soalan soal selidik. Hasil dapatan menunjukkan 93(33.7%) orang sangat setuju, 122(44.2%) orang setuju, 47(17%) orang tidak pasti, 7(2.5%) orang tidak setuju dan 7(2.5%) orang sangat tidak setuju bagi pernyataan saya tahu mengenai kewujudan komuniti Chitti. Soalan dua pula, berkaitan dengan kewujudan komuniti Chitti di kawasan Gajah Berang, Melaka. Seramai 55(19.9%) orang sangat bersetuju, 104(37.7%) orang setuju, 99(35.9%) orang tidak pasti, 9(3.3%) orang tidak setuju dan 9(3.3%) orang sangat tidak setuju. Seterusnya, soalan tiga tentang pengetahuan berkaitan perbezaan komuniti Chitti dengan komuniti India biasa. Seramai 56(20.3%) orang sangat setuju, 116(42%) orang setuju, 81(29.3%) orang tidak pasti, 14(5.1%) tidak setuju dan 9(3.3%) orang sangat tidak setuju. Selain itu, seramai 56(20.3%) orang dan 113(41%) orang menyatakan mereka tahu tentang kewujudan Muzium Chitti di Melaka, manakala bagi pernyataan tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju pula masing-masing mencatatkan seramai 89(32.2%) orang, 11(4%) orang dan 7(2.5%) orang. Soalan kelima pula, adalah berkaitan dengan bagaimana masyarakat Melaka mengetahui info berkaitan



komuniti Chitti di media sosial. Seramai 85(30.8%) orang sangat setuju, 124(45%) orang setuju, 50(18.1%) orang tidak pasti, 9(3.3%) orang tidak setuju dan 8(2.9%) orang sangat tidak setuju.

Secara umumnya, berdasarkan tinjauan yang dijalankan sebanyak 67% (setuju 42%, sangat setuju 25%) masyarakat Melaka bersetuju bahawa mereka mengetahui tentang kewujudan komuniti Chitti di Melaka. Namun, kurang mengetahui mengenai aspek-aspek percampuran budaya.

#### 4.2.2 Adat/budaya



Rajah 4.6: Pengetahuan masyarakat Melaka tentang adat atau budaya yang diamalkan oleh komuniti Chitti


Sumber: (Kajian Lapangan, 2021)

Rajah 4.6 menunjukkan graf berkaitan pengetahuan masyarakat Melaka tentang adat budaya yang diamalkan oleh komuniti Chitti. Soalan pertama mengenai adat-adat yang diamalkan oleh komuniti Chitti. Seramai 26(9.4%) orang sangat setuju, 63(22.8%) orang setuju, 152(55.1%) tidak pasti, 21(7.6%) orang tidak setuju dan 14(5.1%) orang sangat tidak setuju. Seramai 64(23.2%) orang sangat setuju dan 121(43.8%) orang setuju bahawa masyarakat Melaka tahu komuniti Chitti mengamalkan percampuran budaya

antara Melayu dan India manakala bagi responden yang tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju pula masing-masing merekodkan sebanyak 70(25.4%) orang, 11(4%) orang dan 9(3.3%) orang. Seterusnya, hanya 17(6.2%) orang yang sangat bersetuju dan 51(18.5%) orang yang setuju bahawa mereka tahu tentang adat sadanggu yang diamalkan oleh komuniti Chitti dan 168(60.9%) orang menyatakan tidak pasti, 21(7.6%) orang tidak setuju serta 19(6.9%) orang sangat tidak setuju. Selain itu, responden yang tahu tentang proses upacara Adat Sadanggu hanyalah 16(5.8%) orang bagi skala sangat setuju dan 37(13.4%) orang di skala setuju. Selebihnya 180(65.2%) orang tidak pasti, 23(8.3%) orang tidak setuju dan 20(7.2%) orang sangat tidak setuju. Bagi responden yang memahami apa itu Adat Sadanggu pula, 16(5.8%) orang yang sangat setuju dan 47(17%) orang yang setuju. 171(62%) orang bagi yang tidak pasti, 22(8%) orang tidak setuju dan 20(7.2%) orang yang sangat tidak setuju.

Secara keseluruhannya, 53.7% masyarakat Melaka tidak pasti tentang adat/budaya yang diamalkan oleh komuniti Chitti, namun secara umumnya, mereka mengetahui bahawa komuniti Chitti ini mengamalkan percampuran budaya Melayu dan India.

### 4.2.3 Kesedaran Masyarakat



Rajah 4.7: Pengetahuan berkaitan kesedaran masyarakat Melaka untuk memelihara warisan budaya komuniti Chitti

Sumber: (Kajian Lapangan, 2021)

Rajah 4.7 menunjukkan graf berkaitan dengan kesedaran masyarakat untuk memelihara warisan budaya komuniti Chitti. Seramai 112(40.6%) orang di skala sangat setuju dan 138(50%) orang setuju untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang komuniti Chitti dan selebihnya iaitu 20(7.2%) orang tidak pasti, 4(1.4%) orang tidak setuju dan 2(0.7%) orang sangat tidak setuju. Bilangan responden yang pernah melawat Muzium Chitti di Melaka pula adalah seramai 38(13.8%) orang di skala sangat setuju dan 47(17%) orang bersetuju. 117(42.3%) orang responden pula tidak pasti, 50(18.1%) orang responden tidak setuju dan 24(8.7%) orang sangat tidak setuju. Bagi peranan masyarakat dalam memelihara dan menghargai budaya warisan pula seramai 111(40.2%) orang sangat setuju dan 125(45.3%) orang setuju. Manakala 32(11.6%) orang responden tidak pasti, 4(1.4%) orang tidak setuju dan 4(1.4%) orang di skala sangat tidak setuju. Untuk pernyataan bahawa generasi muda perlu mengambil tahu tentang budaya dan adat resam yang terdapat di negara pula merekodkan seramai 133(48.2%) orang sangat bersetuju, 121(43.8%) orang setuju, 19(6.9%) orang tidak pasti dan 2(0.7%) orang sangat tidak

setuju dengan pernyataan tersebut. Dengan mengenali sejarah, adat dan budaya, suasana harmoni dapat diwujudkan merekodkan seramai 137(49.6%) orang yang sangat setuju dan 117(42.4%) orang setuju, 18(6.5%) orang tidak pasti dan di skala tidak setuju serta sangat tidak setuju pula masing-masing mencatikan 2(0.7%) orang

Secara keseluruhannya, berdasarkan rajah 4.7 ini, sebanyak 78.1% (39.7% setuju dan 38.5% sangat setuju) bersetuju bahawa mereka berperanan dalam pelestarian warisan Chitti. Namun masyarakat Melaka menyatakan bahawa mereka tidak pasti sama ada mereka pernah melawat Muzium Chitti atau tidak kerana didapati muzium jarang dibuka. Hal ini juga turut disokong oleh data temubual bersama Informan 3 (Kajian Lapangan, 2022)

#### **4.3 PROSES ADAT SADANGGU**

Adat Sadanggu ini merupakan ritual bagi meraikan fasa peralihan hidup anak perempuan dalam komuniti Chitti. Hal ini disokong oleh kajian lepas yang menyatakan bagi seseorang anak gadis muda (Menarche, India), akil baligh merupakan satu proses peralihan yang penting dalam kehidupan mereka. Upacara atau peristiwa penting ini membawa kepada suatu perubahan yang ketara dalam status sosial mereka. Melalui perubahan sosial ini, anak gadis muda perlulah mempunyai kesedaran diri dan lebih matang dalam setiap tingkah laku mereka (Nanetta R.Spina, 2017).

Sadanggu merupakan salah satu adat yang diamalkan oleh komuniti Chitti sejak turun-temurun lagi. Adat ini dipercayai dibawa oleh pedagang India yang datang ke Melaka pada zaman kegemilangan Melaka sebagai pusat perdagangan dunia suatu masa dahulu. Berdasarkan sumber Portugis melalui Alfonso De Albuquerque yang menerangkan tentang Nina Chatu sebagai hindu, keling dan Chatins. Dipercayai telah menetap di Melaka sejak sekian lama sebelum kedatangan Portugis ke Tanah Melayu (Suppiah, 2013). Proses asimilasi telah berlaku dalam pengamalan adat Sadanggu ini akibat percampuran budaya antara pedangan India dengan masyarakat tempatan, dimana pada ketika itu berlakunya perkahwinan campur.

Walaupun komuniti ini berkahwin dengan masyarakat tempatan, namun mereka masih mengamalkan agama, adat resam, tradisi dan budaya Hindu mereka. Akibat sosialisasi perkahwinan campur, aspek budaya Hindu telah disesuaikan dengan budaya

tempatan (Giok Hun, 2015). Aspek percampuran budaya antara budaya Hindu dan budaya Melayu ini merupakan aspek yang kurang diketahui oleh masyarakat umum. Hal ini dibuktikan melalui kajian soal selidik yang telah dijalankan ke atas masyarakat Melaka yang rata-ratanya mengetahui bahawa komuniti Chitti ini mengamalkan percampuran budaya namun tidak pasti akan aspek-aspek percampuran budaya tersebut. Jadi, melalui kajian ini, beberapa amalan percampuran budaya dalam adat Sadanggu telah dikenal pasti. Perkara ini dapat dilihat melalui proses dalam pengamalan adat ini. Menerusi kajian ini, bagi mendapatkan data berkaitan proses adat Sadanggu dan keunikan pengamalan adat ini, proses temubual dijalankan bagi memperolehi data yang lebih sahih.

Hasil dapatan daripada temubual yang telah dijalankan, pengkaji dapat memperincikan tentang proses-proses semasa adat Sadanggu dijalankan. Melalui adat ini, beberapa ritual keagamaan dijalankan serta ianya mempunyai peringkat-peringkat yang perlu diikuti bagi menyempurnakan adat ini (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, n.d). Antara proses adat Sadanggu yang diamalkan oleh komuniti Chitti Melaka adalah mandi restu, jamuan kuih tradisional komuniti Chitti dan upacara Sadanggu. Menurut Informan satu dalam sesi temubual yang dijalankan:

Ketiga-tiga proses adat Sadanggu ini, merupakan antara proses yang wajib dijalankan. Pengamalan adat ini perlu dilakukan ke atas setiap anak perempuan dalam komuniti Chitti yang pertama kali mengalami proses peralihan hidup iaitu akil baligh. Bagi kami masyarakat Chitti, adat Sadanggu ini ibarat satu proses pembersihan diri bagi anak perempuan sebelum melangkah ke alam dewasa.

(Informan 1, 23 Oktober, Kajian Lapangan 2021)

Proses adat Sadanggu ini dijalankan hanya satu hari iaitu dari awal pagi sehingga malam. Dimana disebelah pagi, anak gadis akan menjalani ritual mandi restu, kemudian diikuti jamuan makan kuih tradisi komuniti Chitti dan di sebelah malam pula akan diadakan acara kemuncak iaitu ritual Sadanggu akan dijalankan dengan bacaan jampi atau mantera untuk proses penyucian diri anak gadis. Antara pihak yang menjadi rujukan terlebih dahulu bagi menjalankan adat Sadanggu ini adalah saudara-mara bagi memaklumkan bahawa anak perempuan mereka sudah bergelar anak dara dan Tok Sami

bagi tujuan memilih hari yang baik untuk menjalankan adat Sadanggu. Adat Sadanggu kebiasaannya dijalankan di kediaman sendiri sahaja, namun bagi mereka yang berkemampuan dan ingin mengadakan secara besar-besaran maka dewan menjadi pilihan kerana ruangan yang lebih besar dan boleh melibatkan jemputan yang lebih ramai. Menurut informan ketiga:

Kebiasaanya yang menjalankan adat Sadanggu secara besar-besaran ini adalah mereka yang menjalankan adat bagi dua atau tiga orang anak perempuan sekali gus untuk menjimatkan kos. Antara umur yang sesuai bagi menjalankan adat Sadanggu ini adalah antara 10 tahun sehingga 18 tahun.

(Informan 3, 19 November, Kajian Lapangan 2021)

Selain itu, Encik Sundaram Padiachee dan Encik K. Suppiah Pillay juga menegaskan bahawa selagi seseorang anak perempuan tidak melakukan adat Sadanggu ini, mereka tidak dibenarkan berkahwin dan setiap pergerakan mereka dijaga serta tidak begitu bebas.

#### **4.3.1 Mandi Restu**

Proses mandi restu dijalankan selepas anak perempuan habis tempoh haidnya dan mengikut tarikh yang baik yang telah dipilih oleh Tok Sami. Mandi restu dijalankan pada waktu pagi sekitar jam 8 sehingga 10 pagi. Sebelum anak perempuan dibawa mandi restu, air siraman disediakan terlebih dahulu, informan satu menyatakan “satu tempayan air akan disediakan yang kemudiannya akan dicampurkan dengan tujuh jenis bunga yang wangi-wangi seperti bunga melor, bunga kesidang dan lain-lain serta daun limau purut yang telah dipotong-potong” (Informan 1, 23 Oktober, Kajian Lapangan 2021).

Sebelum anak perempuan dimandikan dengan siraman air bunga-bunga yang telah disediakan, anak perempuan tersebut akan dipakaikan dengan pakaian baju melayu teluk belanga berwarna putih, berkain sarung serta bersanggul. Setelah lengkap berpakaian, anak perempuan dibawa ke tempat persiraman dan akan disiram oleh ibu dan ibu-ibu saudara-mara. Jika dilihat dalam konteks tradisi komuniti India, pakaian yang dipakai semasa proses mandi restu ini dijalankan



adalah sari. Hal ini turut disokong oleh informan dua. Namun akibat asimilasi dengan budaya tempatan, maka baju melayu telok belanga yang digunakan dalam proses ini. Setelah itu, anak gadis akan dimandikan secara bergilir-gilir oleh ibu saudaranya, Encik Sundaram Padiachee menyatakan bahawa:

Ibu-ibu saudara dari sebelah ibu dan ayah kepada gadis tersebut akan bergilir-gilir menyiram anak gadis dan kemudiannya akan mandi secara beramai-ramai bersama anak gadis yang diraikan. Selesai mandi restu, pakaian yang digunakan oleh anak gadis ketika mandi tadi akan dibuang sebagai tanda penyucian.

(Informan 1, 23 Oktober, Kajian Lapangan 2021)

Setelah selesai mandi restu, pakaian baju putih telok belanga dan kain sarung yang dipakai oleh anak gadis ketika mandi akan dibuang. Hal ini demikian kerana, pembuangan pakaian ketika mandi restu dianggap sebagai simbolik kepada penyingkiran unsur-unsur negatif daripada dalam diri anak gadis yang sebelumnya dianggap kotor.



Gambar 4.8: Proses Mandi Restu Komuniti Chitti

Sumber: 'Facebook' Chetti Melaka, 2017

#### 4.3.2 Jamuan Kuih Tradisional

Selesai proses mandi restu, anak perempuan akan dipakaikan dengan pakaian kebaya dan berkain sarung. Selain itu, anak perempuan tersebut akan dihias dan didandankan supaya lebih berseri dan kelihatan kemas. Seterusnya, jamuan makan kuih tradisional bagi komuniti Chitti dijalankan, dimana anak

gadis akan disuapkan oleh ibunya dengan kuih putu piring kosong dan inti kelapa serta kuih tradisi yang lain seperti dodol, wajik, bahu dan kuih bangkit. Madam Santha Devi menyatakan “kita komuniti Chitti banyak kuih tradisional tapi yang popular dan selalu dijadikan jamuan untuk orang itulah seperti dodol, bahu, kuih bangkit, kole kacang, banyak lagi lah hah” (Informan 4, 19 November, Kajian Lapangan 2021).

Selain itu, para tetamu (saudara-mara) yang hadir juga akan dijamu dengan beberapa kuih tradisi dalam komuniti Chitti. Kuih-muih tradisional komuniti Chitti terdapat kategori kuih basah dan kering. Kuih basah adalah dodol, wajik, kole kacang, putu piring dan putu mayam manakala kuih kering seperti bahu, kuih bangkit, kuih belanda(kuih kapit), kuih ros, kuih kanda kasturi dan kuih sesagun (Informan 3, Kajian Lapangan 2021). Sinonimnya, jamuan ini diadakan adalah bagi menghargai kehadiran saudara-mara serta tetamu dan ianya juga bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim.



Gambar 4.9: Proses Jamuan Kuih Tradisional Komuniti Chitti

Sumber: ‘Facebook’ Chetti Melaka, 2017 dan koleksi gambar dari Encik K. Suppiah Pillay, (Kajian Lapangan, 2021)

### 4.3.3 Upacara Sadanggu

Upacara Sadanggu merupakan proses akhir bagi menyempurnakan adat Sadanggu. Adat dan kepercayaan kebiasaannya akan diikuti oleh upacara dan ritual dalam melakukan sesuatu perkara yang merupakan perubahan besar kepada kehidupan (rite of passage) masyarakat. Menurut Huntington 1979, tiga ciri penting dalam konsep ‘rite of passage’ iaitu penyatuan individu dengan masyarakat, kedua sebagai simbolik dan ketiga adalah kesedaran kepada budaya yang mempunyai tujuan tertentu bagi menggambarkan perilaku sesebuah masyarakat (SF Tan, 1992).

Di dalam upacara Sadunggu yang diamalkan oleh komuniti Chitti di Kampung Gajah Berang, Melaka acara kemuncak ini dijalankan pada waktu malam. Dimana ketika ini, tetamu iaitu orang-orang besar kampung, saudara-mara dan jiran tetangga akan hadir bagi mereka menjalankan upacara secara besar-besaran. Manakala bagi yang menjalankan secara kecil-kecilan, mereka hanya menjalankan majlis secara tertutup dalam kalangan keluarga dan saudara-mara sahaja di kediaman sendiri. Seperti yang dinyatakan oleh Encik Sundaram Padiachee “bagi keluarga yang berduit, mereka akan melakukan upacara di dewan ataupun dirumah dengan meraikannya secara besar-besaran dan meriah sekali, tapi bagi yang tidak berkemampuan selalunya mereka hanya buat dirumah secara kecil-kecilan dalam kalangan keluarga sahaja” (Informan 1, 23 Oktober, Kajian Lapangan 2021).

Sebelum upacara Sadunggu dijalankan, anak gadis akan dipakaikan dengan pakaian sari atau baju tradisi komuniti Chitti iaitu Pavadai Daavani. Pakaian ini memang tidak asing lagi bagi komuniti Chitti kerana ianya merupakan salah satu pakain tradisi yang diwarisi daripada nenek moyang mereka.



Gambar 4.10: Pakaian Pavadai Daavani yang dipakai semasa upacara Sadunggu

Sumber: wikipedia.org (n.d)

Di dalam upacara ini, terdapat pentas atau pelamin yang disediakan oleh keluarga anak gadis tersebut. Di pelamin ini akan disusun dengan dulang-dulang yang berisi air, nasi, tahi lembu kering, pelita, padi, putu piring, roti buah-buahan dan batu giling. Barang-barang ini disediakan sebagai simbolik kepada rezeki (Informan 1, Kajian Lapangan 2021)





Gambar 4.11: Dulang berisi barangan semasa upacara Sadanggu

Sumber: Koleksi Encik K. Suppiah Pillay (Kajian Lapangan, 2021)

Upacara dimulakan dengan membawa anak perempuan ke pelamin dan dibacakan mantera oleh Tok Sami. Ianya merupakan simbolik kepada pembuangan perkara-perkara negatif dan perkara yang dianggap tidak baik dalam diri anak gadis. Selesai upacara pembacaan mantera, ibu bapa dan ibu-ibu saudara-mara akan menyentuhkan pelita pada bahu kanan, kiri dan kepala. Setelah itu anak gadis akan dibawa masuk ke dalam dan majlis upacara adat Sadanggu selesai dijalankan. Ianya juga menandakan berlalunya satu tempoh waktu dalam kehidupan anak gadis ke suatu fasa yang baru (R.Tzanelli, 2007). Anak gadis yang telah selesai proses adat Sadanggu ini akan digelar sebagai anak dara dan dibenarkan keluar seperti biasa. Acara keramaian diteruskan bagi meraikan tamatnya upacara Sadanggu. Ia kebiasaannya diakhiri dengan tarian dan nyanyian seperti joget lambak dan nyanyian dondang sayang. Acara keramaian ini diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli keluarga dan jiran tetangga yang hadir.



Gambar 4.12: Upacara Sadanggu Sedang Dijalankan

Sumber: Sumber: 'Facebook' Chetti Melaka, 2017

Bagi memastikan pengamalan adat Sadanggu ini sempurna dan lengkap serta sesuai dengan ajaran nenek moyang terdahulu, ketiga-tiga proses iaitu mandi restu, jamuan kuih tradisional dan ritual Sadanggu perlu diadakan. Namun bagi keluarga yang menjalankan adat Sadanggu secara kecil-kecilan, mereka hanya menjalankan ritual mandi restu di sebelah pagi dan ritual Sadanggu pada malam hari tiada jamuan makan disediakan. Hal ini diambil kira di atas faktor kemampuan sesebuah keluarga bagi menjalankan adat Sadanggu yang diamalkan sejak turun-temurun.

Melalui proses adat Sadanggu yang dipraktikkan oleh komuniti Chitti ini jelas memperlihatkan berlakunya proses perkembangan bagi kehidupan seorang anak perempuan dalam komuniti ini. Hal ini dilihat bertepatan dengan aplikasi teori yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Menurut Kamarudin Husin (1997), pertumbuhan merupakan satu proses perubahan yang boleh dilihat daripada peringkat perkembangan ke peringkat perkembangan yang lain dan melalui tempoh masa ke tempoh masa tertentu. Proses perkembangan juga dapat dilihat melalui perubahan struktur dan fungsi badan seseorang individu ketika meningkat ke proses kematangan (Azizi Yahaya, 2010). Selain itu juga, teori perkembangan Eric Erikson (1956) telah mengemukakan 8 tahap perkembangan. Dimana menurut beliau, tahap kelima merupakan tahap yang paling penting kerana akan berlakunya satu perubahan yang ketara pada fizikal dan psikologi kanak-kanak untuk ke alam remaja dewasa.

#### **4.4 KEUNIKAN ADAT SADANGGU**

Kewujudan komuniti Chitti di Melaka telah melahirkan ciri keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri (Omar, 2016). Kebebasan mengamalkan adat dan budaya tanpa melanggar batas kehidupan bermasyarakat telah melahirkan suasana yang aman dan sejahtera. Pengamalan adat Sadanggu dilihat masih lagi dipraktikkan oleh masyarakat Chitti di Melaka bagi meraikan anak dara mereka yang telah mencapai peringkat kematangan (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, n.d). Pengamalan adat Sadanggu dilihat begitu unik akibat percampuran dua budaya iaitu budaya Melayu dan India. Komuniti Chitti berpandangan bahawa mereka sebagai komuniti warisan yang mesti dipelihara (Moorthy, 2009). Hal ini terjadi oleh kerana, komuniti Chitti masih lagi

menganuti agama hindu yang diwarisi dari nenek-moyang mereka, namun pengamalan cara hidup seharian mereka serupa dengan budaya Melayu, perkara ini dapat dilihat melalui pemakaian, pemakanan dan bahasa yang digunakan.

Pemakaian komuniti Chitti dianggap sama seperti budaya Melayu kerana mereka juga mengamalkan pemakaian kain sarung, baju kebaya samada kebaya labuh atau kebaya nyonya, berbaju melayu dan berbaju kurung. Gaya pemakaian yang dijadikan sebagai amalan seharian ini jelas menunjukkan ciri keunikan yang dibawa oleh komuniti Chitti. Keunikan yang dapat dilihat di dalam pengamalan adat Sadanggu itu sendiri, jelas bahawa mereka turut menerapkan pemakaian yang menyerupai budaya Melayu dimana baju kurung putih telok belangga dan kain sarung dijadikan sebagai pakaian di dalam ritual mandi restu. Bagi komuniti India biasa, mereka mengamalkan pakaian sari semasa mandi restu namun, komuniti Chitti unik kerana pemakaian gaya Melayu diserlahkan bagi menunjukkan perbezaan komuniti India biasa dengan Komuniti Chitti (Informan 2, Kajian Lapangan 2021). Hal ini, jelas menunjukkan bahawa proses percampuran budaya telah berlaku sejak dahulu lagi kerana adat ini diamalkan dan diwarisi daripada generasi terdahulu.



Gambar 4.13: Pakaian Komuniti Chitti

Sumber: Koleksi Encik K. Suppiah Pillay (Kajian Lapangan, 2021)

Keunikan dalam pemakanan juga dapat dilihat melalui jamuan kuih-muih tardisi yang disediakan semasa adat Sadanggu dijalankan, dimana kuih-muih yang dihidang juga turut menyerupai dengan kuih-muih masyarakat Melayu. Di dalam komuniti Chitti mereka membahagikan kepada dua kategori kuih-muih tradisi mereka iaitu kuih basah



dan kuih kering. Kuih basah dikenali dengan dodol, wajik, kole kacang, dan putu manakala kuih kering terdiri daripada kuih belanda(kuih kapit), kuih ros, kuih bangkit, bahu, sesagun dan kuih kanda kasturi. Selain itu, komuniti Chitti sangat sinonim dengan masak pindang, nasi lemak kukus, sambal belimbing telur ikan parang, lauk kacang panjang partu dan sambal timun santan. Menurut Encik K. Suppiah Pillay “uniknya masakan komuniti Chitti ini adalah dari segi rasa dan teknik memasak yang masih lagi dikekalkan sejak zaman nenek-moyang kami iaitu penggunaan batu giling dan kebanyakan resepi masakan kami berasaskan santan” (Informan 3, 19 November, Kajian Lapangan 2021).

Jadi, jelaslah bahawa keunikan yang ditonjolkan dalam aspek pemakanan bagi komuniti Chitti telah menunjukkan bahawa proses asimilasi budaya Melayu dan India begitu sehati sehingga diterapkan menjadi amalan harini komuniti minoriti ini yang telah lama bertapak di Tanah Melayu (Omar, 2016).

Dari segi bahasa pula, uniknya komuniti Chitti Melaka ini kerana, walaupun mereka beragama hindu, namun mereka tidak boleh berbahasa tamil. Menurut Encik K. Suppiah Pillay dan Madam Santha Devi, mereka rata-ratanya memang tidak boleh berbahasa tamil kerana mereka telah dibiasakan dengan penggunaan bahasa Melayu sejak kecil lagi. Walaupun terdapat segelintir daripada mereka yang fasih berbahasa inggeris namun, komuniti ini lebih selesa menggunakan bahasa Melayu dalam komunikasi harian mereka (Moorthy, 2009).

Dapat dirumuskan bahawa aspek keunikan adat sadunggu ini dapat dilihat melalui tiga aspek iaitu pemakaian, pemakanan dan bahasa. Selain itu, pengamalan adat Sadunggu ini juga dilihat menyerupai adat berkhatan bagi masyarakat Melayu. Jika dilihat upacara berkhatan bagi masyarakat Melayu, ianya merupakan sebuah upacara penting bagi anak lelaki Melayu beragama Islam. Upacara ini juga turut dijalankan dengan mengikuti beberapa adat seperti mandi secara beramai-ramai, berbaju melayu dan berkain pelikat yang kemudiannya akan diarak bersama ‘bunga mangga’ yang diiringi paluan kompang, pertunjukkan silat, dan turut diadakan kenduri sebagai jamuan. Proses kemuncaknya, mereka akan disunatkan oleh ‘Tok Mudin’ (Arshad, 2017).

Prosesnya juga hampir sama iaitu mandi, jamuan makan dan upacara mengikut agama dan kepercayaan masing-masing. Perbezaan pengamalan adat bagi kedua-dua masyarakat Melayu dan Chitti adalah berkhatan melibatkan anak lelaki Melayu manakala

adat Sadanggu melibatkan anak perempuan komuniti Chitti dan upacara kemuncak berkhatan, anak lelaki akan melalui proses yang sedikit menyakitkan kerana melibatkan pemotongan kulit di bahagian kemaluan mereka, namun bagi adat Sadanggu ianya hanya melibatkan bacaan jampi. Kedua-dua proses kemuncak ini merupakan simbolik kepada penyucian atau kebersihan diri. Jadi dapat disimpulkan bahawa, kewujudan kepelbagai masyarakat telah melahirkan adat dan budaya yang berbeza dan unik. Kelangsungan warisan budaya ini haruslah dipraktikkan dan diteruskan untuk tatapan generasi yang akan datang.

## BAB LIMA

### CADANGAN DAN KESIMPULAN

#### 5.0 PENGENALAN

Di dalam bab lima ini, pengkaji akan membincangkan dan merumus hasil dapatan kajian yang diperolehi semasa menjalankan kajian ini. Hasil dapatan kajian akan dihuraikan serta diteliti bagi menjawab segala persoalan yang telah dibuat dalam kajian ini. Melalui perbincangan ini, pengkaji akan menyentuh topik-topik yang berkaitan secara menyeluruh yang merangkumi segala infomasi yang saling berkait dengan kajian ini. Antara bahagian yang akan diberi penekanan dan saling berkait adalah permasalahan, persoalan, objektif, teori dan cadangan. Hasil daripada perbincangan ini, pengkaji mampu memberi ulasan yang mendalam dan lebih kritis bagi merungkai segala aspek kelebihan dan kekurangan daripada perolehan hasil dapatan kajian. Berdasarkan hasil dapatan kajian juga, pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan kepada beberapa pihak yang dilihat berperanan penting dalam memperkenalkan budaya warisan yang diamalkan oleh komuniti Chitti di Melaka agar kelangsungan amalan yang dipraktikkan terus terpelihara untuk tatapan generasi akan datang.

Hasil daripada bab satu yang telah dihuraikan oleh pengkaji jelas menerangkan tentang latar belakang kajian yang dijalankan, permasalahan, persoalan, objektif, skop dan kepentingan kajian ini dijalankan. Di bahagian latar belakang, pengkaji telah menetapkan topik kajian adalah berfokus kepada komuniti Chitti yang terdapat di negeri Melaka dan adat Sadanggu bagi meraikan fasa peralihan hidup bagi anak perempuan dalam komuniti Chitti. Hal ini demikian kerana, masyarakat masa kini kurang mengetahui tentang kewujudan komuniti Chitti serta pengamalan adat yang unik iaitu adat Sadanggu yang diamalkan oleh mereka sejak zaman berzaman lagi. Ini merupakan masalah yang telah dikenalpasti oleh pengkaji sebelum menjalankan kajian ini. Jadi melalui permasalahan, maka timbul beberapa persoalan berkaitan ‘sejauh manakah masyarakat tahu tentang komuniti Chitti’, ‘bagaimana ritual adat Sadanggu dijalankan’ dan ‘apakah keunikan adat Sadanggu’. Berdasarkan permasalahan dan persoalan, pengkaji telah merangka objektif kajian bagi mengenalpasti pengetahuan masyarakat tentang komuniti

Chitti, mengkaji proses adat Sadanggu dan menjelaskan keunikan adat ini. Bagi skop kajian, pengkaji hanya fokus di Kampung Gajah Berang, Melaka yang merupakan perkampungan bagi komuniti Chitti dan masyarakat Melaka sahaja. Kepentingan kajian ini dijalankan pula bertujuan memberi pendedahan kepada pengkaji di dalam dunia penulisan kajian ilmiah, menambah pengetahuan masyarakat tentang kepelbagaian komuniti yang wujud dalam masyarakat di Malaysia dan hasil penulisan kajian ini akan menjadi satu usaha dokumentasi dalam usaha memelihara warisan budaya masyarakat di Malaysia.

Bab dua pula perbincangan berkaitan sorotan kajian. Pengkaji telah meneliti kajian-kajian lepas yang dilihat mempunyai hubungkait dengan topik kajian. Hasil kajian lepas ini menjadi rujukan kepada pengkaji bagi mengenal pasti perkara-perkara yang telah dikaji oleh pengkaji terdahulu tentang komuniti Chitti dan adat yang diamalkan oleh komuniti ini. Oleh itu, pengkaji telah mengambil maklum berkaitan ulasan kajian lepas dan dimuatkan di dalam bab dua ini sebagai sumber rujukan. Hal ini demikian kerana, kajian lepas penting kepada pengkaji kerana ianya akan menjadi sumber berguna dalam penulisan kajian dan turut dijadikan sebagai panduan terbaik untuk menghasilkan satu penulisan ilmiah yang sempurna.

Selain itu, metodologi kajian turut dijelaskan dalam kajian ini melalui bab tiga dalam penulisan kajian ini. Metodologi merupakan teknik atau kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan dan mengumpul maklumat atau data yang berkaitan dengan tinjauan atau kajian lapangan yang dijalankan di lokasi kajian. Ianya juga berfungsi sebagai medium bagi menjawab persoalan dan objektif dalam kajian yang dijalankan. Pengkaji telah memilih kaedah kajian campuran, dimana ianya bertujuan untuk memastikan data yang diperolehi sahih dan benar. Pendekatan kuantitatif digunakan oleh pengkaji iaitu dengan merangka borang soal selidik yang dihasilkan dengan menggunakan 'Google Form' dan disebarluaskan di platform media massa bagi mendapatkan data berkaitan pengetahuan masyarakat tentang komuniti Chitti. Selain itu, pengkaji turut menggunakan pendekatan kualitatif dimana pengkaji telah menemubual empat orang responden atau informan yang terdiri daripada komuniti Chitti sendiri bagi menjawab persoalan kajian. Kaedah rujukan kajian lepas dan bahan ilmiah yang lain turut digunakan bagi mendapatkan data. Jelaslah bahawa bahagian metodologi kajian ini sangat penting dalam sesebuah kajian kerana ianya berperanan bagi memudahkan pengkaji mendapatkan data-data yang berkait rapat dengan kajian yang dijalankan.

Seterusnya adalah bab empat. Di bahagian ini, hasil dapatan kajian akan dibincangkan dimana segala persoalan akan dijawab berdasarkan hasil kutipan data yang diperolehi daripada tinjauan yang telah dilakukan oleh pengkaji. Dalam bab ini, hasil soal selidik yang dijalankan dalam kalangan masyarakat Melaka tentang pengetahuan mereka berkaitan komuniti Chitti akan dianalisis dan ditunjukkan dalam bentuk jadual beserta ulasan. Selain itu, hasil perolehan daripada temubual yang dijalankan ke atas empat orang informan juga turut dianalisis bagi mengenalpasti bagaimana proses adat Sadanggu dijalankan dan menghurai keunikan yang terdapat dalam pengamalan adat ini. Hasil perolehan data disusun dan diulas berlandaskan kepada objektif yang telah dibuat oleh pengkaji bagi melengkapkan kajian yang dijalankan.

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan hasil daripada kutipan data dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji adalah bagi objektif satu, didapati bahawa rata-rata masyarakat Melaka sedar akan kewujudan komuniti Chitti. Namun, mereka hanya kurang terdedah dengan budaya-budaya yang melibatkan percampuran amalan antara Melayu dan India seperti yang diamalkan oleh komuniti Chitti. Seterusnya, objektif dua pula, dapat disimpulkan proses adat Sadanggu ini meliputi tiga aspek iaitu mandi restu, jamuan kuih tardisi Chitti dan upacara Sadanggu. Akhir sekali, iaitu objektif ketiga, pengkaji telah menjelaskan tiga aspek keunikan yang didapati daripada pengamalan adat Sadanggu ini. Tiga aspek tersebut adalah aplikasi pakaian yang menunjukkan percampuran budaya Melayu dan India, aspek pemakanan iaitu kuih-muih yang dihidangkan menyerupai kuih-muih masyarakat Melayu dan aspek ketiga adalah bahasa. Dari aspek bahasa dapat dilihat bahawa bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai bahasa ibunda bagi komuniti Chitti sendiri kerana mereka tidak boleh berbahasa tamil. Walaupun terdapat segelintir yang menggunakan bahasa Inggeris, namun bahasa Melayu tetap menjadi keutamaan dalam percakapan harian.

Oleh itu, melalui objektif dua dan tiga dapat disimpulkan bahawa usaha memelihara warisan budaya tidak ketara ini haruslah diberi lebih perhatian oleh komuniti Chitti dan kerajaan negeri untuk memastikan maklumat yang berkaitan dapat disebarluaskan kepada masyarakat umum khususnya masyarakat Melaka sendiri. Dengan memperbanyakkan kerjasama dan aktiviti warisan tidak ketara Chitti ini, diharapkan dapat mempamerkan nilai-nilai keunikan yang dibawa oleh komuniti Chitti di Melaka.



## **5.1 CADANGAN**

Bagi memastikan masyarakat lebih cakna dan sedar tentang kepelbagaian komuniti yang wujud di Malaysia dan lebih menghargai pengamalan budaya warisan generasi terdahulu, maka terdapat beberapa cadangan untuk mengekalkan serta memajukan kelangsungan komuniti Chitti dan pengamalan budaya agar terus hidup dalam kalangan komuniti Chitti. Hal ini sangat penting kepada generasi kini untuk memelihara warisan budaya kerana ianya melambangkan gambaran hidup bermasyarakat yang makmur dan harmoni yang telah diwujudkan sejak dahulu kala lagi. Ianya perlu diwariskan kepada generasi akan datang supaya amalan budaya turun-temurun tidak hilang begitu sahaja. Cadangan adalah seperti berikut:

### **5.1.1 Pihak Kerajaan Negeri Melaka**

Kewujudan komuniti Chitti di Kampung Gajah Berang, Melaka telah memberi satu nilai tambah bagi kepelbagaian masyarakat di Melaka. Seperti yang sudah sedia maklum bahawa Melaka sememangnya sangat terkenal dengan keunikkan yang tersendiri sehingga diiktiraf oleh UNESCO sebagai tapak warisan dunia. Selain nilai sejarahnya yang tinggi, kewujudan masyarakat Baba Nyonya, Chitti, Serani dan Kristang juga menjadi daya penarik bagi sektor pelancongan negeri. Namun jika kerajaan negeri tidak cakna akan nilai keunikkan ini, maka ianya akan menjadikan usaha untuk memelihara budaya warisan sukar dan rumit. Jadi terdapat beberapa cadangan yang ingin saya kemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri Melaka, antaranya adalah mewujudkan kerjasama dengan komuniti Chitti yang bertujuan mempromosikan kewujudan komuniti minoriti ini kepada masyarakat sama ada dalam mahupun luar negara. Melalui kerjasama kerajaan negeri dengan komuniti Chitti diharapkan dapat menjadi titik permulaan dalam mempromosikan kepelbagaian masyarakat di Melaka. Penglibatan yang aktif bagi kedua-dua pihak ini pastinya akan memberi impak yang positif kepada usaha memelihara adat budaya komuniti Chitti di Melaka.

Selain itu, antara usaha lain adalah dengan mengadakan program bersama komuniti Chitti bagi mempamerkan keunikkan makanan, pakaian, amalan, adat resam dan cara hidup komuniti Chitti. Hal ini secara tidak langsung dapat menjadi medium pengaliran (transmission) kepada generasi muda untuk mengambil tahu akan ilmu-ilmu yang diwariskan dari generasi terdahulu. Walaupun hanya sekadar pengalaman melihat,



ianya akan tetap menjadi salah satu usaha untuk menyampaikan warisan budaya kepada generasi muda. Sebagai contoh dalam pengamalan adat Sadanggu yang kaya dengan nilai dan tatacaranya yang tersendiri. Melalui jalinan kerjasama antara dua pihak ini, diharap dapat menguntungkan kedua-dua belah pihak iaitu kerajaan negeri mendapat faedah hasil daripada peningkatan kedatangan pelancong ke dalam negeri Melaka dan komuniti Chitti dapat meneruskan kelangsungan amalan budaya mereka.

### **5.1.2 Komuniti Chitti**

Kelangsungan warisan budaya, adat resam serta pengamalan cara hidup sangatlah berkait rapat dengan kehidupan komuniti Chitti itu sendiri. Hal ini demikian kerana, hanya komuniti Chitti sahaja yang memahami dengan jelas tentang budaya warisan mereka. Oleh itu, setiap individu dalam komuniti Chitti haruslah memainkan peranan masing-masing dalam usaha memelihara warisan budaya yang ada. Komuniti Chitti haruslah bekerjasama bagi memastikan komuniti ini juga turut dikenali oleh masyarakat sekitar khususnya masyarakat Melaka sendiri. Sebagai contoh pengamalan adat Sadanggu itu sendiri haruslah diperkenalkan oleh komuniti Chitti kepada masyarakat dimana ianya dilihat mempunyai persamaan dengan adat berkhatan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Seterusnya, kewujudan Muzium Chetti di Kampung Gajah Berang merupakan salah satu inisiatif yang baik untuk memperkenalkan komuniti Chitti kepada masyarakat. Hal ini demikian kerana dengan melawat Muzium Chetti masyarakat dapat mengetahui serba sedikit tentang komuniti ini. Melalui operasi muzium yang telah diberi kuasa ke atas komuniti Chitti untuk menguruskan sendiri perlulah diberi lebih perhatian kerana ramai pengunjung daripada kalangan pelajar, pengkaji mahupun masyarakat, sering menjadikan Muzium Chetti sebagai tempat rujukan bagi mengenali komuniti kecil ini.

## **5.2 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, pengkaji dilihat dapat memberikan satu perbincangan serta mengulas berkaitan ritual adat Sadanggu yang diamalkan oleh komuniti Chitti dengan jelas tentang proses dan keunikan adat ini dalam meraikan fasa peralihan hidup anak perempuan dalam komuniti Chitti. Selain itu, pengetahuan masyarakat Melaka khususnya, tentang kewujudan komuniti Chitti dilihat sangatlah sedikit. Oleh itu, usaha

daripada pihak Kerajaan Negeri dan komuniti Chitti haruslah lebih giat lagi supaya kewujudan komuniti minoriti ini dapat disebarluaskan kepada masyarakat umum dan pengamalan adat resam yang diamalkan dapat diteruskan oleh generasi sedia ada dan dapat diwariskan kepada generasi yang akan datang.

Usaha dalam memelihara amalan warisan turun-temurun dalam komuniti Chitti ini perlulah diberi lebih perhatian oleh komuniti Chitti sendiri untuk memastikan amalan ini terus diamalkan oleh generasi masa kini yang merupakan satu kepercayaan di dalam agama yang dianuti oleh komuniti Chitti. Selain memastikan ianya terus diamalkan oleh komuniti Chitti sendiri, ianya juga perlulah di didokumentasikan dalam pelbagai bentuk seperti rakaman video dan dibukukan segala maklumat berkaitan sejarah kewujudan komuniti Chitti dan amalan yang dipraktikkan di dalam kehidupan harian bagi memastikan ianya tidak hilang begitu sahaja. Malah ianya juga turut dapat menjadi rujukan bagi generasi akan datang melakukan penyelidikan berkaitan apa-apa budaya yang diamalkan oleh komuniti Chitti daripada dahulu sehinggalah ke hari ini.

Selain peranan pihak kerajaan negeri dan komuniti Chitti sendiri dalam usaha memelihara warisan budaya komuniti Chitti ini, adalah penting untuk masyarakat umum mengambil tahu dan lebih cakna akan kepelbagaian adat resam yang diamalkan oleh kepelbagaian komuniti yang wujud di Malaysia ini. Hal ini demikian kerana, dilihat bahawa generasi kini kurang peka akan kewujudan budaya warisan nenek-moyang terdahulu. Harus diingatkan dengan sifat mengambil tahu inilah yang telah berjaya melahirkan keharmonian dan keamanan hidup bersatu padu antara kepelbagaian masyarakat di Malaysia kini.

## RUJUKAN

- Some Unique Features of the Peranakan Indians. (2005). *Peranakan Indians of Singapore and Melaka*, 96–101. <https://doi.org/10.1355/9789812305992-016>
- Abd Ghani, A. (1995). Amalan Khatan Anak Perempuan Dalam Masyarakat Melayu. *Jurnal Syariah* 3, 73–82.  
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/28483/12825>
- Abdi, D. (n.d.). *Studi Deskriptif dan Analisis Data Dasar*.  
<https://slideplayer.info/Slide/3771516/>. Retrieved June 3, 2021, from <https://slideplayer.info/slide/3771516/>
- Abdul Raji, M. N. (2017). Past and present practices of the Malay food heritage and culture in Malaysia. *Journal of Ethnic Foods*, 221(231).  
<https://www.sciencedirect.com/journal/journal-of-ethnic-foods>
- Adat Dalam Peradaban Melayu*. (2015). Muhammad Takari bin Jilin Syahrial.  
[https://www.researchgate.net/publication/282303456\\_Adat\\_dalam\\_Peradaban\\_Melayu](https://www.researchgate.net/publication/282303456_Adat_dalam_Peradaban_Melayu)
- adat resam dan yang aerangkuroi iluru pengetahuan. (1992). *USg - 3 - ; \_ IT-QII IgS I\_ADAI\_DAX\_KEggBg AY4AT*{, 31–73.  
[http://studentsrepo.um.edu.my/71/6/chapter\\_3.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/71/6/chapter_3.pdf)
- Ali, N. (n.d.). *Pendekatan Temubual Sebagai Metod Kajian Kes. Suatu Persepsi Di Kalangan Pelajar Perempuan Cemerlang Terhadap Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling*.  
[Http://Eprints.Utm.My/Id/Eprint/2212/1/91.DrMuhdSharif%26Roslee.Pdf](http://Eprints.Utm.My/Id/Eprint/2212/1/91.DrMuhdSharif%26Roslee.Pdf). Retrieved June 2, 2021, from <http://eprints.utm.my/id/eprint/2212/1/91.DrMuhdSharif%26Roslee.pdf>
- Apakah Warisan Budaya Ketara?* (n.d.). <https://History-Hub.Com>. <https://ms.history-hub.com/apakah-warisan-budaya-ketara>
- Dali, A. M. (2012). *Sejarah masyarakat India di Malaysia (Penerbit UM)*. Amsterdam University Press.
- Dila, F. (n.d.). *Temu bual*. <https://Www.Slideshare.Net/Fadzdila1/Temu-Bual>. Retrieved June 2, 2021, from <https://www.slideshare.net/fadzdila1/temu-bual>

- Febri, F. (n.d.). *Analisis Data, Penulisan Laporan*.  
<https://slideplayer.info/Slide/3148014/>. Retrieved June 3, 2021, from  
<https://slideplayer.info/Slide/3148014/>
- Firdaus, W. M. K. (2015, April 20). Pensampelan Dr. Kamarul.  
<https://www.slideshare.net/Wmkfirdaus/Pensampelan>.  
<https://www.slideshare.net/wmkfirdaus/pensampelan>
- Fizawan, Z. (n.d.). *Kuantitatif*. <https://www.academia.edu/12121040/Kuantitatif>.  
 Retrieved June 2, 2021, from <https://www.academia.edu/12121040/kuantitatif>
- Gan Lui Nam, A. Y. (n.d.). *PENDEKATAN TEORI TERHADAP GEJALA LEPAK*.  
[http://eprints.utm.my/Id/Eprint/10376/1/28.9\\_PENDEKATAN\\_TEORI\\_TERHADAP\\_GEJALA\\_LEPAK.Pdf](http://eprints.utm.my/Id/Eprint/10376/1/28.9_PENDEKATAN_TEORI_TERHADAP_GEJALA_LEPAK.Pdf). Retrieved June 1, 2021, from  
[http://eprints.utm.my/Id/Eprint/10376/1/28.9\\_PENDEKATAN\\_TEORI\\_TERHADAP\\_GEJALA\\_LEPAK.pdf](http://eprints.utm.my/Id/Eprint/10376/1/28.9_PENDEKATAN_TEORI_TERHADAP_GEJALA_LEPAK.pdf)
- Hassan, N. ' . A. (2020). Nilai simbolik sebagai penunjuk kelestarian modal sosial petempatan tradisional di Kuala Terengganu, Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 201–218.  
<https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/36981/10949>
- Hussin, H. (n.d.). *Kepimpinan Adat Perkahwinan Melayu Melaka* (2004th ed.). Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA).
- Jabatan Warisan Negara*. (n.d.). Portal Rasmi Jabatan Warisan Negara. Retrieved May 28, 2021, from <http://www.heritage.gov.my/index.php>
- JENIS WARISAN*. (n.d.). OFFICIAL PORTAL MINISTRY OF COMMUNICATION AND MULTIMEDIA MALAYSIA. Retrieved April 8, 2021, from  
[https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=594:jenis-warisan&catid=65:dokumen&Itemid=145&lang=en](https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=594:jenis-warisan&catid=65:dokumen&Itemid=145&lang=en)
- jenis warisan*. (n.d.). Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia. Retrieved May 28, 2021, from  
[https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=594:jenis-warisan&catid=65:dokumen&Itemid=145&lang=en](https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=594:jenis-warisan&catid=65:dokumen&Itemid=145&lang=en)
- JKKN Pemetaan Budaya | ADAT RESAM DAN BUDAYA MASYARAKAT CHETTI MELAKA: SADANGGU ATAU SADENGGU*. (n.d.). Jabatan Kesenian Dan Kebudayaan Negara. Retrieved April 8, 2021, from  
<https://pemetaanbudaya.my/culture/dis/198>

- komuniti chitti tetap optimis*. (n.d.). Berita Kampus. Retrieved May 28, 2021, from <http://www.beritakampus.usm.my/index.php/arkib?catid=0&id=1919&limit=5&view=archive&start=290>
- McCarthy, S. N. (2010). Rites of passage: A comparison of US, Malaysian and Brazilian adolescents. *Researchgate.Net*, 7(11), 88–98.  
[https://www.researchgate.net/publication/230710094\\_Rites\\_of\\_passage\\_A\\_comparison\\_of\\_US\\_Malaysian\\_and\\_Brazilian\\_adolescents](https://www.researchgate.net/publication/230710094_Rites_of_passage_A_comparison_of_US_Malaysian_and_Brazilian_adolescents)
- MINSUNG, C. H. O. (2016). PENTERJEMAHAN BUDAYA BUKAN KEBENDAAN DALAM TEKS TERJEMAHAN BAHASA KOREA-BAHASA MELAYU. *PENTERJEMAHAN BUDAYA BUKAN KEBENDAAN DALAM TEKS TERJEMAHAN BAHASA KOREA-BAHASA MELAYU*, 161–175.  
<http://journalarticle.ukm.my/9965/1/16177-45357-1-SM.pdf>
- Mohamed, K. (2020). ANALISA PERUNDANGAN TERHADAP PERLINDUNGAN WARISAN KEBUDAYAAN TIDAK KETARA DI MALAYSIA. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 5(19), 10–20.  
<http://www.ijlgc.com/PDF/IJLGC-2020-19-06-02.pdf>
- MOHD YUSOFF, Y. U. S. Z. A. I. D. Y. (2011). AKTA WARISAN KEBANGSAAN, 2005: TINJAUAN SEPINTAS LALU. *AKTA WARISAN KEBANGSAAN, 2005: TINJAUAN SEPINTAS LALU*, 173–188.  
<https://core.ac.uk/download/pdf/11492461.pdf>
- MOORTHY, R. A. V. I. C. H. A. N. D. R. A. N. (2009). THE EVOLUTION OF THE CHITTY COMMUNITY OF MELAKA. *THE EVOLUTION OF THE CHITTY COMMUNITY OF MELAKA*, 36, 1–15.  
<https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/42235/10979>
- Nazirah, S. (n.d.). *TEORI PERKEMBANGAN KANAK-KANAK JEAN PIAGET*.  
[https://www.Academia.Edu/43265767/TEORI\\_PERKEMBANGAN\\_KANAK\\_KANAK\\_JEAN\\_PIAGET](https://www.Academia.Edu/43265767/TEORI_PERKEMBANGAN_KANAK_KANAK_JEAN_PIAGET). Retrieved June 1, 2021, from [https://www.academia.edu/43265767/TEORI\\_PERKEMBANGAN\\_KANAK\\_KANAK\\_JEAN\\_PIAGET](https://www.academia.edu/43265767/TEORI_PERKEMBANGAN_KANAK_KANAK_JEAN_PIAGET)
- PEMILIHAN BAHASA MASYARAKAT CHETTI DI MELAKA. (2016). *PEMILIHAN BAHASA MASYARAKAT CHETTI DI MELAKA*, 15, 211–222.  
<https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/16180/5042>



*PERKAHWINAN CAMPUR DAN FENOMENA PERANAKAN DI SEMENANJUNG*

*MALAYSIA*. (2015, September). Institute of Ethnic Studies.

[https://www.researchgate.net/publication/317228777\\_Perkahwinan\\_campur\\_dan\\_fenomena\\_Peranakan\\_di\\_Semenanjung\\_Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/317228777_Perkahwinan_campur_dan_fenomena_Peranakan_di_Semenanjung_Malaysia)

R. Spina, N. (2017). *Women's Authority and Leadership in a Hindu Goddess Tradition* (Women's Authority and Leadership in a Hindu Goddess Tradition ed.) [E-book]. University of Georgia Athens, Georgia, USA.  
<https://doi.org/10.1057/978-1-137-58909-5>

Raghavan, R. (1977). Ethno-racial marginality in West Malaysia: The case of the Peranakan Hindu Melaka or Malaccan Chitty community. *Bijdragen Tot de Taal-, Land- En Volkenkunde / Journal of the Humanities and Social Sciences of Southeast Asia*, 133(4), 438–458. <https://doi.org/10.1163/22134379-90002605>

*RITE OF PASSAGE*. (n.d.). <https://Moreaboutmalay.Wixsite.Com/Onlymalay/Rites-of-Passage>. Retrieved May 29, 2021, from <https://moreaboutmalay.wixsite.com/onlymalay/rites-of-passage>

Robert Bogdan, S. J. T. (n.d.). *Introduction to Qualitative Research Methods* (4th ed.) [E-book].  
[http://www.elfhs.ssrui.ac.th/pokkrong\\_ma/pluginfile.php/50/block\\_html/content/%5BTaylor%2C\\_Steven%3B\\_Bogdan%2C\\_Robert%3B\\_DeVault%2C\\_Marjorie%28b-ok.org%29.pdf](http://www.elfhs.ssrui.ac.th/pokkrong_ma/pluginfile.php/50/block_html/content/%5BTaylor%2C_Steven%3B_Bogdan%2C_Robert%3B_DeVault%2C_Marjorie%28b-ok.org%29.pdf)

Suppiah, U. (2013). Sejarah Asal-Usul dan Kegiatan Ekonomi Chettiar di Tanah Melayu (Origins and The Economic Activities of Chettiars In Malaya). *Sejarah Asal-Usul Dan Kegiatan Ekonomi Chettiar Di Tanah Melayu (Origins and The Economic Activities of Chettiars In Malaya)*, 40(1), 63–90.  
<https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/42025>

Tzanelli, R. (2014, November 7). *Rite of Passage*. Wiley Online Library.  
<https://onlinelibrary.wiley.com/doi/abs/10.1002/9781405165518.wbeosr070.pub2>

W. (2015, April 20). *Reka bentuk Kajian Dr. Kamarul*. Slideshare.  
<https://www.slideshare.net/wmkfirdaus/reka-bentuk-kajian-dr-kamarul>



Yahaya, A. (2010, January). *Bab 2: Teori-teori Perkembangan*.

[https://www.researchgate.net/publication/46405353\\_Bab\\_2\\_Teori-Teori\\_Perkembangan](https://www.researchgate.net/publication/46405353_Bab_2_Teori-Teori_Perkembangan).


[https://www.researchgate.net/publication/46405353\\_Bab\\_2\\_Teori-teori\\_Perkembangan](https://www.researchgate.net/publication/46405353_Bab_2_Teori-teori_Perkembangan)



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

FTKWW

## LAMPIRAN



Gambar 1: Temubual bersama informan 1 iaitu Encik Sundaram Padiachee

Sumber: Kajian Lapangan, 2021



Gambar 2: Temubual bersama informan 2 iaitu Encik K. Suppiah Pillay

Sumber: Kajian Lapangan, 2021



Gambar 3: Temubual bersama informan 3 iaitu Madam Santha Devi

Sumber: Kajian Lapangan, 2021



Gambar 4: Temubual bersama informan 4 iaitu Madam Valemeh

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

## Latar Belakang Responden Temubual

### Responden 1

<b>Nama Responden</b>	Encik Sundaram Padiachee
<b>Status Sosial</b>	Ahli Jawatankuasa Sri Poyatha Vinayagar Moorthy Temple/Komuniti Chitti Melaka
<b>Tarikh/Hari Temubual</b>	23 Oktober 2021
<b>Masa Temubual</b>	10 pagi – 12 tengah hari
<b>Lokasi/Platform</b>	Aplikasi 'Google Meet'

### Responden 2

<b>Nama Responden</b>	Encik K. Suppiah Pillay
<b>Status Sosial</b>	Komuniti Chitti di Kampung Gajah Berang
<b>Tarikh/Hari Temubual</b>	19 November 2021
<b>Masa Temubual</b>	10 pagi – 12 tengah hari
<b>Lokasi/Platform</b>	Kediaman Encik K. Suppiah Pillay

### Responden 3

<b>Nama Responden</b>	Madam Valemeh
<b>Status Sosial</b>	Komuniti Chitti
<b>Tarikh/Hari Temubual</b>	1 Desember 2021
<b>Masa Temubual</b>	3.30 petang
<b>Lokasi/Platform</b>	Aplikasi 'WhatsApp'

### Responden 4

<b>Nama Responden</b>	Puan Santha Devi
<b>Status Sosial</b>	Komuniti Chitti di Kampung Gajah Berang
<b>Tarikh/Hari Temubual</b>	19 November 2021
<b>Masa Temubual</b>	10 pagi – 12 tengah hari
<b>Lokasi/Platform</b>	Kediaman Puan Santha Devi

## Transkrip Hasil Jawapan Temubual

Temubual berkaitan dengan ‘Ritual Dalam Adat Sadanggu Bagi Meraikan Fasa Peralihan Hidup Anak Perempuan Dalam Masyarakat Chitti Di Perkampungan Chitti, Melaka.

<p>Encik Sundaram Padiachee (‘Google Meet’)</p>	<p><b>Proses adat Sadanggu</b></p> <p>Adat ini mempunyai amalan mandi restu, ibu suapkan kuih putu kepada anak dara dan upacara sadanggu. Mandi restu ni dijalankan selepas 16 hari atau seminggu selepas hari pertama anak perempuan akil baligh. Anak perempuan akan dimandikan dengan 7 jenis bunga dan daun limau. Kebiasaannya, mandi restu dibuat dipagi hari sekitar jam 8 sampai 10 pagi.</p> <p>Selesai urusan mandi restu, kita akan buat persiapan untuk upacara Sadanggu pada malam harinya. Sebelum itu kita akan adakan jamuan makan kuih tradisional. Ini dibuat selepas selesai mandi restu, biasa ramai-ramai akan berkumpul dan makan kuih-muih tradisi kita lah macam putu, dodol, kole kacang, bahu, kuih-muih seperti orang Melayu lah.</p> <p><b>Pihak yang terlibat</b> dalam adat ini adalah ibu bapa, saudara-mara sebelah ibu, Pandaram (tok sami) dan orang besar kampung lah kalau dibuat majlis secara besar-besaran.</p> <p><b>Lokasi</b> bagi ritual adat ini dijalankan biasanya di rumah sendiri dan jika diadakan majlis besar, kita akan sewa dewan lah.</p> <p>Bagi <b>keunikkan</b> adat ini pula adalah ‘Sadanggu’ itu sendiri bermaksud pertengahan hidup atau penyucian. Lain daripada itu adalah pakaian yang digunakan di dalam adat ini sama ada sari, baju melayu teluk belangan atau kebaya labuh. Makanan dan kuih-muih juga saya lihat sebagai satu keunikkan lah sebabnya kita pon makan sama macam orang Melayu.</p>
---	---



<p>Encik K. Suppiah Pillay (Temubual bersemuka)</p>	<p><b>Proses adat Sadanggu</b></p> <p>Adat ini kami panggil sebagai adat Sadanggu ataupun Sadangku. Proses yang akan dibuat dalam adat ini adalah kita akan mandi anak perempuan kita dengan air yang di campur dengan 7 jenis bunga yang wangi-wangi macam bunga kesidang, melor, lain-lain yang wangi lah. Selepas itu kita akan makan kuih-muih tradisi orang Chitti dan kemudian kita akan adakan satu majlis untuk menjalankan upacara sadanggu atau kami panggil sadangku lah.</p> <p><b>Pihak yang terlibat</b></p> <p>Selain ahli keluarga, saudara-mara juga terlibat dan tok sami lah untuk memilih tarikh yang baik bagi mengadakan adat ini dan untuk upacara Sadanggu lah</p> <p><b>Lokasi adat dijalankan</b></p> <p>Kebiasaannya kami adakan majlis ni di kediaman sendiri la sebab saudara-mara berkumpul kan.</p> <p><b>Keunikkan</b></p> <p>Uniknya masakan komuniti Chitti ini adalah dari segi rasa dan teknik memasak yang masih lagi dikekalkan sejak zaman nenek-moyang kami iaitu penggunaan batu giling dan kebanyakan resepi masakan kami berasaskan santan. Kuih-muih kita juga sama sahaja macam orang Melayu kami ada kuih kering dan basah. Kuih kering kami macam dodol, bahu dan banyak lagi la.</p>
<p>Madam Valemeh (‘WhatsApp’)</p>	<p>Sesi temubual bersama Madam Valemeh diadakan melalui aplikasi ‘WhatsApp’. Berikut merupakan jawapan Madam Valemeh;</p> <p><i>Adakah anda bersetuju adat Sadanggu dijalankan melalui 3 proses utama iaitu</i></p>



	<p>- <i>mandi restu (pagi hari)</i>          - <i>jamuan makan (selepas selesai makan)</i>          - <i>upacara sadanggu (malam)</i></p> <p><b>Jawapan:</b> Ya, tetapi tiada jamuan makan.</p> <p><i>Adakah anda setuju bahawa ibu bapa, saudara mara, sami dan orang besar kg merupakan pihak yang terlibat dalam adat sadanggu?</i></p> <p><b>Jawapan:</b> Ya</p> <p><i>Adakah anda setuju sadanggu bermaksud fasa pertengahan hidup bagi anak perempuan?</i></p> <p><b>Jawapan:</b> Ya</p> <p><i>Semasa mandi restu, adakah anak gadis memakai baju melayu putih telok belanga atau memakai sari?</i></p> <p><b>Jawapan:</b> Ya, baju melayu teluk belanga digunakan oleh masyarakat chetti dan sari digunakan oleh masyarakat india</p> <p><i>Berapa umur anak gadis yang sesuai untuk menjalankan adat sadanggu?</i></p> <p><b>Jawapan:</b> Selepas 16 tahun</p>
<p>Puan Santha Devi (Temubual bersemuka)</p>	<p><b>Proses adat Sadanggu</b></p> <p>Kalau proses adat Sadangku ni biasanya kami itu lah mandi bunga waktu pagi lepastu malam kami akan adakan upacara sadanggu la. Kalua yang berduit sikit kami akan adakan makan-makan la. Itu saja la.</p> <p><b>Pihak yang terlibat</b> biasanya kita kasi tahu sama saudara-mara kemudian kita jumpa dengan tok sami lah untuk pilih hari yang baik. Kalau kita buat majlis, kita jemput la jiran-jiran, orang kampung.</p>

**Lokasi adat dijalankan**

Biasa buat di rumah saja la. Kalua buat besar-besaran kami buat di dewan la sebab lebih luas dan besar.

**Keunikkan**

Kita komuniti Chitti banyak kuih tradisional tapi yang popular dan selalu dijadikan jamuan untuk orang itulah seperti dodol, bahulu, kuih bangkit, kole kacang, banyak lagi lah hah.

